
# PARLIMEN MALAYSIA



## MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
## PARLIMEN KEDUABELAS
## 2009

# JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

## HARI SELASA: 17 MARCH 2009

**CAWANGAN PERUNDANGAN**
**PARLIMEN MALAYSIA.**
Sidek/jwp.09

# KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN**

**(SOALAN NO. 11, 12, 14 HINGGA 72 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 10 DAN 13**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

SOALAN NO: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [ KENINGAU ]** |
| **TARIKH** | : | **17 MAC 2009** |
| **RUJUKAN** | : | **1603** |

**SOALAN:**

**Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai cadangan untuk menaik taraf Balai Polis Tambunan kepada Ibu Pejabat Polis Daerah.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di pertua,

Kementerian belum bercadang untuk menubuhkan **Ibu Pejabat Polis** (IPD) bagi daerah Tambunan. Ini disebabkan belum ada keperluan bagi penubuhan sebuah IPD di Tambunan. Ia masih boleh ditadbirkan oleh IPD **Keningau**.

Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat kerajaan bercadang untuk membina Balai Polis Tambunan yang baru dalam RMK-10 kelak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD** |
| **TARIKH** | : | **17 MAC 2009 (SELASA)** |
| **NO. PERTANYAAN** | : | **NO. 12** |

**Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah kolej-kolej swasta yang telah ditutup di seluruh negara kerana tidak berdaya maju dan apakah strategi Kerajaan untuk membantu kolej-kolej swasta ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2007 sehingga September 2008, sebanyak 55 buah IPTS telah dibatalkan kelulusan penubuhan kerana tidak lagi berdaya maju dan sebahagianya sudah tidak beroperasi.

Kementerian sememangnya sedar institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) juga turut memainkan peranan penting dalam mengukuhkan sektor pendidikan tinggi negara. Pelbagai langkah dan strategi telah dan akan dilaksanakan untuk meningkatkan daya saing dan kualiti IPTS sedia ada, antaranya seperti berikut:-

i. Menyediakan insentif tambahan, potongan cukai dua kali bagi perbelanjaan latihan dalam bidang tertentu dan pengecualian cukai pegangan bagi bidang tersebut di samping empat belas insentif sedia ada;

ii. Kementerian juga menggalakkan penggabungan IPTS yang kurang berdaya maju agar dapat bersaing dengan IPTS lain;dan

iii. IPTS juga digalakkan untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi yang menawarkan pendidikan berkualiti pada kos yang berpatutan. Melalui kaedah ini IPTS dapat menarik lebih ramai pelajar antarabangsa dan pada masa yang sama kurang bergantung pada pengambilan pelajar dalam negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **DATO' DR MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN (LIPIS)** |
| **TARIKH** | : | **17. 03. 2009** |
| **NO. SOALAN** | : | **14** |

**DATO' DR MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN ( LIPIS )** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah bentuk baru dalam menjenamakan Kempen Beli Produk Malaysia bagi merancakkan pertumbuhan permintaan domestik sekaligus merangsang pertumbuhan ekonomi negara ketika berlaku krisis ekonomi dunia sekarang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Bagi merancakkan pertumbuhan permintaan domestik, Kerajaan telah melancarkan "Kempen Beli Barangan Malaysia" dan telah dirasmikan oleh Y.A.B Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia pada 16 Januari 2009 yang lalu. Selaras dengan pelancaran tersebut, Kementerian telah merancang untuk menganjurkan beberapa siri ekspo-ekspo perdagangan

barangan dan perkhidmatan Malaysia di lokasi-lokasi terpilih di seluruh negara. Kementerian turut bekerjasama dengan agensi swasta dalam menganjurkan ekspo-eskpo pameran untuk menggalakkan pembelian barangan buatan Malaysia. Selain daripada itu, Kementerian juga akan bekerjasama dengan SMIDEC untk menganjurkan ekspo perdagangan mega pada pertengahan tahun 2009. Kerjasama dengan *hypermarket*/pasaraya tempatan dan asing dalam negara juga turut dijalankan dalam menganjurkan pameran barangan dan perkhidmatan Malaysia.

Tujuan ekspo-ekspo diadakan adalah untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan Malaysia yang sememangnya bermutu dan berkualiti tinggi serta menggalakkan dan meningkatkan pembelian domestik. Pelbagai jenis produk dan perkhidmatan Malaysia akan dipamer dan dijual didalam ekspo yang diadakan seperti produk makanan, pakaian, kasut, beg, perabut, kenderaan, kraftangan, barangan elektrik dan perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Melalui promosi kempen yang dibuat menggunakan media cetak dan media elektronik, ianya akan bertindak sebagai satu peringatan dan pembentukan budaya orang ramai untuk membeli produk dan menggunakan perkhidmatan Malaysia yang sememangnya berkualiti dan dalam masa yang sama untuk memastikan eknomi negara dapat terus dijana.

**Soalan No:15**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [SETIU]**

**TARIKH : 17 MAC 2009**

**SOALAN 15**

**Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:-**

Mengenai status kedatangan pelancong dari Timur Tengah ke negara ini dari tahun 2004 hingga 2008 dan apakah usaha-usaha yang dilakukan bagi menggalakan pelancong ke negeri-negeri lain selain di ibu negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada keseluruhannya bagi tahun 2004 hingga 2008, jumlah ketibaan pelancong dari Timur Tengah telah mencatatkan

peningkatan setiap tahun. Jika dikira peratus kenaikan ketibaan pelancong dari 2004 hingga 2008 adalah sebanyak 101.5 peratus. Pada tahun 2008 jumlah ketibaan pelancong meningkat sebanyak 7.8 peratus berbanding tahun 2007 dengan bilangan seramai 264,338 orang pelancong.

| Tahun | Jumlah Ketibaan | % Perubahan |
|---|---|---|
| 2004 | 131,159 | 53.5 |
| 2005 | 152,869 | 16.6 |
| 2006 | 186,821 | 22.2 |
| 2007 | 245,302 | 31.3 |
| 2008 | 264,338 | 7.8 |

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelancongan Malaysia menerusi agensinya Tourism Malaysia terus mengiatkan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan persidangan terunggul di rantau ini.

Usaha promosi yang agresif dijalankan bagi pasaran Asia Barat. Antara aktiviti promosi yang dijalankan:-

i) Menganjurkan misi jualan ke negara-negara Asia Barat.

ii) Menyertai pameran-pameran pelancongan antarabangsa.

iii) Menganjurkan promosi makanan dan kebudayaan Malaysia.

iv) Menganjurkan seminar dan workshop kepada agensi-agensi pelancongan Asia Barat.

v) Menarik Penganjur Lawatan Insentif mengadakan acara di Malaysia.

vi) Menganjurkan lawatan suai kenal (*Mega Familiarisation*) kepada wakil-wakil agensi pelancongan dan media di pasaran berkenaan untuk melawat produk-produk pelancongan serta

menyertai acara-acara tahunan negara seperti Citrawarna, Perlumbaan F1, Pesta Air, Karnival Jualan Mega dan sebagainya,

vii) Promosi negara melalui pengiklanan di media elektronik, media cetak dan kabel TV yang terpilih di pasaran Timur Tengah. Ini termasuk juga pengiklanan *billboard*.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelancongan Malaysia melalui Tourism Malaysia akan terus mempromosikan Malaysia di pasaran Timur Tengah bagi menjadikan negara ini sebagai destinasi pilihan percutian di rantau ini oleh pelancong Arab. Promosi ini melibatkan promosi destinasi-destinasi percutian yang lain seperti di luar destinasi tradisional (Langkawi, Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Genting Highlands, Cameron Highlands) yang terkenal di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Pengusaha-pengusaha pelancongan, pihak hotel dan kerajaan-kerajaan negeri turut dijemput untuk menyertai pameran-pameran antarabangsa dan misi galakan pelancongan yang diadakan di rantau Timur Tengah di bawah payung Kementerian Pelancongan menerusi agensinya Tourism Malaysia. Ini memberikan peluang yang luas untuk mempromosikan destinasi-destinasi pelancongan yang terdapat di semua negeri di Malaysia.

Menyedari akan hakikat bahawa keadaan semasa ekoran krisis ekonomi dunia dan beberapa insiden di negara-negara jiran lebih mendorong pelancong dari negara Timur Tengah khususnya untuk melawat Malaysia, Kementerian Pelancongan menerusi agensinya Tourism Malaysia juga telah mengadakan misi khas ke Timur Tengah pada 13 hingga 24 Disember 2008 untuk mempergiatkan lagi promosi Malaysia khususnya untuk

meningkatkan/mengekalkan tahap ketibaan pelancong Timur Tengah ke Malaysia.

Antara aktiviti-aktiviti promosi utama bagi pasaran Timur Tengah untuk tahun 2009:-

1. Gulf Incentive, Business, Travel Meeting Exhibition, Abu Dhabi, UAE

   (31 Mac hingga 2 April 2009)

2. Arabian Travel Market, Dubai, UAE

   (5 – 8 Mei 2009)

3. Misi Galakan Pelancongan ke Syria dan Jordan

   (10 – 14 Mei 2009)

**SOALAN NO : 16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI**
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN [ PENDANG ]** |
| **TARIKH** | : | **17 MAC 2009** |
| **SOALAN** | : | |

**Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah perbelanjaan untuk program *Harm Reduction*, jumlah klinik yang terlibat, jumlah penagih yang dapat dipulihkan dan apakah ada klinik yang didapati menjual metadon secara haram.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sepanjang tempoh 2006 hingga 2008, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM76.6 juta bagi melaksanakan aktiviti Program *Harm Reduction* di seluruh negara.

Sebanyak 75 buah fasiliti telah menjalankan program Terapi Gantian Dengan Metadon (MMT) iaitu 27 buah hospital Kerajaan, 32 buah klinik kesihatan Kerajaan, 9 buah klinik swasta, 3 pusat khidmat

Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan 4 penjara. Terdapat sebanyak 6 buah klinik kesihatan Kerajaan telah melaksanakan program pertukaran jarum dan alat suntikan (NSEP), selain daripada 8 buah badan bukan Kerajaan (NGO) di bawah naungan Majlis AIDS Malaysia.

Seramai 7,065 orang pesakit telah mengikuti program MMT dan sebanyak 71.1 peratus (5,024) merupakan pesakit yang aktif dan menunjukkan komitmen untuk bebas dari penagihan. Penilaian ke atas pesakit telah menunjukkan perubahan positif di mana terdapat peningkatan dalam kualiti hidup pesakit. Peratus pesakit yang positif urin dadah *opiate* didapati menurun dari 45 peratus pada awal kemasukan kepada 10 peratus sebulan selepas mengikuti program berkenaan manakala peratus pesakit yang tidak bekerja telah menurun dari 14.8 peratus kepada 8.7 peratus selepas setahun mengikuti program ini manakala yang bekerja tetap meningkat dari 47.6 peratus kepada 66.3 peratus.

Kementerian Kesihatan sentiasa menjalankan pemeriksaan ke atas klinik yang melaksanakan program *harm reduction* dan klinik swasta lain yang membekalkan metadon. Sehingga kini pihak Kementerian mendapati sirap metadon yang dibekalkan adlah berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan secara keseluruhannya klinik-klinik ini mematuhi garispanduan dan peraturan-peraturan yang ditetapkan untuk pendispensan metadon.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan terdapat beberapa klinik yang didapati tidak mematuhinya seperti gagal menyelenggarakan daftar preskripsi, tidak menyimpan metadon ditempat berkunci, mencairkan sirap metadon tanpa mengikut protokol rawatan dan mendispens metadon bersama-sama dengan ubat-ubat lain seperti ubat-ubat *benzodiazepines.*

Pihak Kementerian sentiasa mengeluarkan amaran dan mengambil tindakan undang-undang ke atas klinik-klinik yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan.

SOALAN NO: 17

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **DARIPADA** | : | **DATO' ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID (KUALA KRAU)** |
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **TARIKH** | : | **17.03.2009** |

**Dato' Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah peratusan pertumbuhan ekonomi Negara yang perlu dicapai bagi mencapai matlamat Wawasan 2020, memandangkan kadar pertumbuhan ekonomi yang dicadangkan sebanyak 7 hingga 8 peratus telah jauh ketinggalan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman yang Berhormat, semasa menggubal Wawasan 2020 pada tahun 1991, Kerajaan menyasarkan kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 7 peratus setahun, selari dengan potensi keluaran jangka panjang negara pada masa itu iaitu antara 7 hingga 8 peratus setahun berdasarkan andaian bahawa faktor modal, buruh serta permintaan dalam dan luar negara yang memberangsangkan. Namun, perkembangan pesat liberalisasi dan globalisasi ekonomi dunia, kemajuan ICT serta krisis kewangan Asia 1997/98 telah merubah senario ekonomi dunia di abad ke-21. Dalam

hubungan ini, semasa penggubalan Misi Nasional, 2006-2020 di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kerajaan telah mengkaji semula sasaran pertumbuhan dalam tempoh Wawasan 2020 kepada kadar yang lebih munasabah iaitu purata 6.3 peratus setahun dengan mengambil kira prestasi sebanyak 6.2 peratus setahun dalam tempoh 15 tahun pertama dan 6.5 peratus setahun dalam tempoh 15 tahun berikutnya. Namun demikian, dengan mengambil kira kelembapan ekonomi global terkini pada tahun 2009, yang terburuk sejak peperangan dunia kedua, serta kekangan dari segi faktor modal dan buruh, potensi keluaran jangka panjang negara terkini dijangka lebih rendah antara 5 hingga 5.5 peratus dalam tempoh sepuluh tahun akan datang.

SOALAN ~~39~~ 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HIEW KING CHEU**
**(KOTA KINABALU)**

**TARIKH : 17 MAC 2009**

**SOALAN:**

**Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan bilangan pelancong yang datang ke Sabah bagi tahun 2004 hingga 2008 dan dari negara manakah pelancong-pelancong ini datang dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan pelancong asing untuk melancong di Sabah.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Jumlah kedatangan pelancong ke Sabah pada tahun 2004 ke 2008 adalah seperti berikut:

**Jumlah Kemasukkan Pelancong ke Sabah Dari Tahun 2004 - 2008**

| Tahun | Jumlah Kemasukkan pelancong (juta orang) | % perubahan |
|---|---|---|
| 2004 | 1.77 | 41.7% |

| | | |
|---|---|---|
| 2005 | 1.83 | 3.1% |
| 2006 | 2.09 | 14.4% |
| 2007 | 2.48 | 18.5% |
| 2008 | 2.30 | (7.2%) |

*Sumber dari Sabah Tourism Board*

Negara-negara yang menyumbang kepada kemasukan pelancong ke Sabah ini adalah sebilangan besar dari Asia seperti Indonesia, Brunei, Taiwan, Filipina, China, Korea Selatan, Jepun dan Hong Kong. Negara-negara seperti Australia, United Kingdom, Kanada dan Amerika Syarikat juga menyumbang kepada jumlah kemasukan pelancong.

Kementerian Pelancongan melalui agensinya Tourism Malaysia sentiasa berusaha dalam mempromosikan industri pelancongan di Sabah dan Malaysia amnya bagi menggalak dan meningkatkan jumlah ketibaan pelancong asing. Bagi menggiatkan lagi usaha untuk menarik pelancong asing datang ke Sabah, pelbagai aktiviti dan acara pelancongan telah dan akan dianjurkan di seluruh Sabah sepanjang tahun 2009 ini.

Tuan Yang Di Pertua.

Langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan lagi ketibaan pelancong-pelancong ke Sabah adalah seperti berikut:

a) mengambil bahagian secara aktif di dalam Pameran Antarabangsa seperti 'Arab Travel Market' (Dubai), World Travel Mart (London), ASEAN Travel Forum (sekitar Asia Tenggara) dan China International Travel Mart (China) yang disertai oleh pengusaha-pengusaha pelancongan Malaysia termasuk dari Sabah, khususnya yang menawarkan pakej percutian

berunsur 'eco tourism'. Sabah Tourism Board juga sering dijemput unutk menyertai pameran-pameran ini bersama Tourism Malaysia.

b) mengadakan misi-misi galakan ke pasaran-pasaran terpilih di mana para pengusaha pelancongan tempatan berpeluang untuk menawarkan pakej-pakej istimewa negeri Sabah melalui kaedah perbincangan dua hala antara 'buyers and sellers' dan menerusi 'product update' seminar.

c) Bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha pelancongan dan pihak media dari pasaran terpilih untuk mempromosikan dan mempakejkan produk 'niche' seperti 'golfing' dan 'diving' yang terdapat di Sabah.

d) mengatur program lawatan suaikenal (familiarization trip) kepada para pengusaha dan media, dari pelbagai pasaran untuk mendedahkan secara langsung produk-produk pelancongan yang merangkumi lawatan-lawatan ke Sabah.

e) menerbit serta mengedarkan risalah-risalah pelancongan dalam pelbagai bahasa yang bersifat kembara (adventure) dan tarikan alam semula jadi (nature) melalui pejabat-pejabat luar negeri Tourism Malaysia dan agensi-agensi pelancongan, khususnya di pasaran-pasaran Asia.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelancongan akan terus memantau dan meningkatkan lagi usaha-usaha promosi pelancongan yang agresif dari semasa ke semasa bagi memastikan negeri Sabah menjadi destinasi pelancongan yang popular di kalangan pelancong asing.

SOALAN NO: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ [ SRI GADING ]** |
| **TARIKH** | : | **17 MAC 2009** |
| **RUJUKAN** | : | **1605** |

**SOALAN:**

**Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [ Sri Gading ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah sebenar pemegang lesen bagi perniagaan barangan lusuh/terpakai (secong hand goods dealer) di seluruh Malaysia mengikut negeri sejak tahun 2000 hingga sekarang dan apakah syarat untuk memohon lesen tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari **Sri Gading** yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemegang lesen bagi perniagaan barangan lusuh/terpakai sejak dari tahun 2000 hingga 2008 adalah seramai 8261 orang. Negeri Perak mencatatkan jumlah pemegang lesen yang tertinggi iaitu seramai 1463 orang; diikuti dengan Selangor seramai 1274 orang; Johor seramai 1209 orang; Pulau Pinang seramai 889 orang; Negeri Sembilan seramai 661 orang; Kedah seramai 629 orang; Pahang seramai 553 orang; Melaka seramai 501 orang; Kelantan seramai 431 orang; Kuala Lumpur seramai 360 orang; Terengganu seramai 197 orang; dan Perlis seramai 194 orang.

Tuan Yang Dipertua,

Lesen perniagaan barang-barang lusuh boleh dipohon dari mana-mana Ibu Pejabat Polis Daerah di mana perniagaan itu hendak dijalankan. Pihak polis akan menjalankan tapisan keselamatan dan akan menemuduga pemohon sebelum lesen diluluskan.

Untuk mendapatkan lesen, pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti, mempunyai syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, mempunyai premis perniagaan yang sah, pemohon mestilah bebas dari kegiatan jenayah, dan mendapat kelulusan agensi-agensi berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat, Pejabat Pentadbir Tanah, Pejabat Kesihatan, Jabatan Pengairan dan Saliran, dan Ketua Polis Balai.

No. Soalan : 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM [ KAPAR ]**

**TARIKH : 17 MAC 2009**

**SOALAN :**

**Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [Kapar]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah tenaga kerja di Jabatan Kerajaan dan berikan peratusan mengikut kaum dan gred bagi tahun 2005 hingga 2008.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

(i) **Pada 31 Disember 2008, jumlah penjawat awam yang berkhidmat di jabatan-jabatan Kerajaan dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah sebanyak 1,091,962.**

**Daripada jumlah tersebut, 0.2% adalah pengisian dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi (JUSA/ Khas C dan ke atas) dan 29.4% adalah meliputi Gred 41 hingga 54 dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Manakala, 70.4% lagi adalah pengisian dalam Kumpulan Sokongan meliputi Gred 1 hingga 40.**

Berdasarkan pecahan mengikut kaum, 78.2% kaum Melayu, 6.2% kaum Cina, 4.1% kaum India, 7.7% Bumiputera Lain (meliputi lain-lain kaum Bumiputera di Semenanjung serta Anak Negeri Sabah dan Anak Negeri Sarawak seperti kaum Bajau, Iban, Melanau, Murut, dan Bidayuh) dan 3.8% lain-lain kaum (seperti Serani, Punjabi, Brunei dan Ceylon).

(ii) Jumlah pegawai awam yang berkhidmat di jabatan-jabatan Kerajaan dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah sebanyak 839,474 orang (2005), 913,149 orang (2006) dan 994,713 orang (2007).

(a) Pada tahun 2005, daripada sejumlah 839,474pengisian dalam Perkhidmatan Awam, 0.1% adalah merupakan pengisian dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi meliputi JUSA/ Khas C dan ke atas, 22.1% dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional meliputi Gred 41 hingga 54 dan 77.8% lagi dalam Kumpulan Sokongan meliputi Gred 1 hingga 40.

(b) Bagi tahun 2006, jumlah pengisian dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah 913,149 dengan 0.1% pengisian dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi, 22.5% dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 77.4% lagi dalam Kumpulan Sokongan.

(c) Manakala bagi tahun 2007, jumlah pengisian dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah 994,713 dengan 0.1% pengisian dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi, 26.6% dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 73.3% lagi dalam Kumpulan Sokongan.

Setakat ini, tiada maklumat pecahan mengikut kaum bagi tahun 2005, 2006 dan 2007.

**Soalan No: 21**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,**
**PARLIMEN KEDUA BELAS**
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN (JEMPOL)**

**TARIKH : 17.03.2009**

**SOALAN :**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan bolehkah Kementerian menyediakan peruntukan khas bagi pentadbiran JKKK dan peruntukan pengurusan jalan-jalan kampung.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian tidak menyediakan sebarang peruntukan khas kepada JKKK bagi membiayai kos urustadbir kampung kerana Kementerian tidak mempunyai peruntukan untuk tujuan tersebut.

Manakala bagi pengurusan jalan-jalan kampung, Kementerian akan menyalurkan peruntukan ini kepada pihak JKR selaku agensi pelaksana yang bertanggungjawab membina baru, menaiktaraf dan menyelenggara jalan-jalan tersebut.

# PEMBERITAHU PERTANYAAN
# DEWAN RAKYAT

| | | |
|---|---|---|
| Pertanyaan | : | PERTANYAAN JAWAB LISAN |
| Daripada | : | Tuan Haji Taib Azamuddeen bin Md Taib [ Baling ] |
| Tarikh Menjawab | : | 17 Mac 2009 [ Selasa ] |
| Soalan | : | [ No. 31 ] |

**Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [ Baling ]** minta **Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi** menyatakan apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan bagi memastikan harga getah dan kelapa sawit stabil di pasaran.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Semenjak bulan Januari 2009, harga minyak sawit mentah telah mulai stabil pada paras di antara RM1,800.00 hingga RM1,900.00 se tan. Ini adalah berikutan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memperkukuhkan harga minyak sawit.

Usaha-usaha tersebut termasuk:

i. Skim Insentif Tanam Semula (SITS 2008)

ii. Pelaksanaan Adunan Biodiesel

iii. Skim Eksport Minyak Sawit Mentah Tanpa Duti

iv. Pembiayaan Eksport Minyak Sawit Mentah Melalui Skim *Palm Oil Credit Payment Arrangement* (POCPA)

v. Mempelbagaikan Alplikasi Penggunaan Minyak Sawit

Di samping usaha-usaha tersebut, Malaysia dan Indonesia yang merupakan pengeluar utama minyak sawit dunia telah bersetuju untuk bekerjasama dalam memperkukuhkan harga minyak sawit. Ini termasuk melaksanakan program penanaman semula, pelaksanaan penggunaan biobahan api secara mandatori, menggalakkan pelaburan dalam industri hiliran serta menangani halangan-halangan bukan tarif bagi eksport biobahan api berasaskan sawit ke pasaran-pasaran utama seperti di Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejatuhan harga getah bermula pada bulan Oktober 2008 disebabkan oleh keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu berikutan masalah kewangan di Amerika Syarikat dan kemerosotan urusniaga pasaran-pasaran saham di seluruh dunia yang merebak dengan cepat. Bagi memastikan harga getah berada dalam keadaan stabil pada paras yang menguntungkan baik kepada pekebun kecil dan juga pengeluar-pengeluar produk getah, Kementerian telah mengambil beberapa langkah, antaranya:

i. Membuat ketetapan dengan persetujuan negara-negara pengeluar utama getah dunia iaitu Indonesia dan Thailand untuk menyelaras dan mengurangkan jumlah eksport getah negara masing-masing melalui satu mekanisma yang telah dipersetujui bagi mengurangkan tekanan terhadap harga getah dan mengembalikan keyakinan pasaran;

ii. Kerajaan akan mempercepatkan pelaksanaan tanam semula getah tua yang kurang produktif bagi memperlahankan pengeluaran getah negara. Pada tahun 2009, Kerajaan mensasarkan seluas 32,000 hektar kawasan getah ditanam semula. Dengan pendekatan ini, dianggarkan sebanyak 32,000 hingga 38,000 tan metrik pengeluaran getah dapat dikurangkan dalam pasaran. Tindakan yang sama juga akan diambil oleh Indonesia dan Thailand bagi memperlahankan pengeluaran masing-masing. Langkah ini bertujuan untuk mengelak berlakunya lebihan penawaran getah yang akan mempengaruhi harga getah dalam pasaran; dan

iii. Selain itu, bagi tempoh jangka panjang, negara-negara pengeluar utama getah iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand telah bersetuju untuk mengawal pengeluaran getah negara masing-masing melalui satu skim yang dikenali sebagai *Supply Management Scheme* (SMS). Melalui skim ini, kawasan tanaman getah sedia ada, tanaman baru dan tanaman semula dipantau dan diselaraskan supaya jumlah pengeluaran getah oleh ketiga-tiga negara pengeluar getah utama ini seimbang dengan jumlah permintaan dunia. Langkah ini bertujuan untuk mengelak berlakunya lebihan penawaran getah yang akan mempengaruhi harga getah dalam pasaran.

**SOALAN NO : 23**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI**
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [ TENGGARA ]** |
| **TARIKH** | : | **17 MAC 2009** |
| **SOALAN** | : | |

**Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sehingga 2007 seramai 80,938 orang menghidap HIV, 13,635 penghidap AIDS dan 11,539 penghidap AIDS telah meninggal dunia. Penghidap HIV/AIDS wanita telah meningkat dari 1.1% kepada 16.3% dan adakah ujian saringan HIV/AIDS yang diwajibkan kepada pasangan Islam dapat menyelamatkan wanita dari terus menjadi mangsa.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan menggalakkan rakyat supaya menjalani saringan HIV terutama mereka yang terlibat dengan cara hidup berisiko tinggi dan ini selaras dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Ujian saringan HIV Pra-Perkahwinan bagi pasangan Islam telah dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

bermula pada tahun 2001 bertujuan untuk menjaga nasab atau keturunan. Memandangkan penyakit HIV tidak boleh disembuhkan, maka adalah perlu bagi bakal pengantin mengetahui status HIV masing-masing serta status HIV pasangan mereka. Semenjak program ini dilaksanakan sejumlah 368 bakal pengantin lelaki telah dikesan HIV positif dan mereka ini berpotensi untuk menjangkiti isteri masing-masing. Dengan adanya ujian saringan HIV pra perkahwinan, perebakan jangkitan ini dapat dielakkan melalui pemberian kaunseling, penjagaan dan rawatan yang berterusan serta memperkasakan wanita untuk melindungi diri serta zuriat mereka dari dijangkiti HIV. Oleh itu ujian saringan HIV pra perkahwinan yang diwajibkan kepada pasangan Islam dapat membantu menyelamatkan wanita dari dijangkiti HIV daripada pasangan mereka.

SOALAN NO: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [ SEREMBAN ]**

**TARIKH : 17 MAC 2009**

**RUJUKAN : 1604**

**SOALAN:**

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah penagih dadah di seluruh negara mengikut pecahan Negeri, Jantina, Umur dan Bangsa.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat dari Seremban** yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod yang dikeluarkan oleh Unit Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI), pada tahun 2008 sahaja seramai 12,352 orang penagih telah dikesan di seluruh negara. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan bilangan penagih dadah yang paling ramai berbanding negeri-negeri lain iaitu seramai 1,828 orang, diikuti Kedah 1,749 orang, Pulau Pinang 1,622 orang, Perak 1,598 orang, Johor 1,512 orang, Selangor 1,176 orang, Kelantan 672 orang, Negeri Sembilan 602 orang, Terengganu 490 orang, Melaka 367 orang, Pahang 361 orang, Perlis 171 orang, Sabah 119 orang, Sarawak 51 orang, Wilayah Persekutuan Labuan 19 orang dan Wilayah Persekutuan Putrajaya 15 orang.

Sementara itu, daripada jumlah keseluruhan penagih yang dikesan di seluruh negara, seramai 12,076 orang atau 97.77% penagih adalah lelaki dan seramai 276 orang atau 2.23% penagih adalah wanita.

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2008, golongan belia yang berumur di antara 19 hingga 39 tahun merupakan kumpulan umur tertinggi yang dikesan menagih dadah iaitu seramai 8,569 orang atau 69.67%. Ini diikuti kumpulan penagih dewasa yang berumur di antara 40 hingga 50 tahun ke atas dengan bilangan seramai 3,471 orang atau 28.22%. Sementara bakinya merupakan penagih remaja atau mereka yang masih bersekolah berusia di antara 13 hingga 18 tahun seramai 260 orang atau 2.11%. Peratusan ini tidak mengambil kira bilangan 52 penagih yang tidak mempunyai maklumat umur.

Bagi pecahan mengikut bangsa untuk tahun 2008, perangkaan menunjukkan bahawa etnik Melayu merupakan penagih yang paling ramai dikesan iaitu seramai 9,562 orang atau 77.41%, dikuti Cina 1,438 orang atau 11.64%, India 1,090 orang atau 8.82%, Peribumi

Sabah 150 orang atau 1.21%, Peribumi Sarawak 17 orang atau 0.14%, lain-lain bangsa 83 orang atau 0.67% dan warganegara asing 12 orang atau 0.10%.

**SOALAN NO: 25**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA ( PARIT )**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17.03.2009**

**Tuan Mohd Nizar bin Zakaria ( Parit )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah hubung kait kemelut dunia dengan kekuatan ekonomi Amerika Syarikat dan apakah penggunaan mata wang dinar emas akan dapat mencegah ekonomi Negara Islam khususnya dari terus berpaut kepada sistem kewangan barat yang berat sebelah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kemelut ekonomi dunia yang sedang melanda sekarang telah berpunca daripada masalah pasaran gadaian subprima di Amerika Syarikat (AS) yang seterusnya telah menjejaskan sistem kewangan dan ekonomi AS dan negara Eropah, dan kini memberi kesan kepada hampir kesemua negara di dunia.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, kesemua urus niaga perdagangan antarabangsa Malaysia dengan negara lain, termasuk urus niaga melalui Pengaturan Pembayaran Dua Hala atau *Bilateral Payments Arrangement* (BPA), dengan izin, dibayar dengan menggunakan mata wang asing. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mewujudkan mekanisme Pengaturan Pembayaran Perdagangan berasaskan Emas atau *Gold-based Trade Payments Arrangement* (GTPA) pada tahun 2003 untuk pembayaran dan penjelasan perdagangan antarabangsa. Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah bekerjasama rapat dengan Bank Pembangunan Islam (IDB) untuk menarik minat negara anggota Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) terhadap mekanisme GTPA. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada negara-negara OIC tersebut tidak dapat menerima mekanisme/penggunaan GTPA disebabkan halangan-halangan perundangan dalam sistem perundangan dan perlembagaan negara mereka, menyebabkan negara-negara berkenaan tidak dapat memberikan jaminan kerajaan *(sovereign guarantee)*, seperti yang diperlukan di bawah mekanisme GTPA.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIN**
**[SEPUTEH]**

**TARIKH : 17 MAC 2009**

**SOALAN : MEMINTA MENTERI PELANCONGAN menyatakan :**

Jumlah pelancong ke Malaysia yang tidak termasuk pelancong Singapura, Thailand dan Indonesia mengikut pecahan tahun 2005, 2006, 2007 dan 2008. Apakah sasaran pelancong bagi Kementerian pada tahun ini dan tahun hadapan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kedatangan pelancong asing ke Malaysia yang tidak termasuk pelancong Singapura, Thailand dan Indonesia bagi tahun **2005 adalah seramai 3,932,753 orang** berbanding **4,781,667 orang untuk tahun 2006** dengan kadar pertumbuhan sebanyak 21.6%.

Seterusnya, seramai **7,049,897 orang pelancong dicatatkan bagi tahun 2007** dengan kadar pertumbuhan sebanyak 47.4% berbanding tahun 2006. Manakala bagi **tahun 2008, jumlah ketibaan pelancong adalah seramai 7,126,602 orang** dengan kadar pertumbuhan sebanyak 1.1% berbanding tahun 2007.

Tuan Yang Dipertua,

**Sasaran tahunan pelancong asing ke Malaysia pada tahun 2009 adalah sebanyak 20 juta pelancong setelah mengambilkira faktor krisis kegawatan ekonomi global yang berlaku sekarang.** Manakala sasaran tahunan ketibaan pelancong bagi tahun 2010 adalah sebanyak 22 juta.

**Tumpuan adalah kepada pasaran-pasaran serantau seperti Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei, Filipina, Vietnam dan Cambodia** yang telah banyak menyumbang kepada ketibaan pelancong asing ke Malaysia. Manakala bagi pasaran jarak sederhana, tumpuan diberikan kepada negara-negara seperti China termasuk Hong Kong dan Macau, negara-negara Asia Barat, Taiwan, Australia, New Zealand, India, Jepun dan Korea Selatan.

SOALAN NO: 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. JAMES DAWOS MAMIT**
**[ MAMBONG ]**

**TARIKH : 17 MAC 2009**

**RUJUKAN : 1667**

**SOALAN:**

**Dato' Dr. James Dawos Mamit [ Mambong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah bilangan pelajar asing yang telah ditangkap kerana bekerja tanpa permit pada tahun 2007 dan tahun 2008. Namakan Kolej-Kolej Swasta di mana mereka tersebut belajar.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Mambong kerana bertanyakan soalan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, kehadiran begitu ramai pelajar asing di negara ini sudah pasti akan menimbulkan pelbagai masalah sosial. Terdapat segelintir pelajar asing yang terlibat dalam salah laku moral dan jenayah seperti penagihan dadah, pengedaran dadah, menjadi Pegawai Perhubungan Pelanggan (*Guest Relation Officers* atau GRO) di pusat-pusat hiburan, pelacuran dan sebagainya. Kesemua kesalahan ini adalah melanggar Peraturan - Peraturan Imigresen 1963 (Peraturan 39 (b)) iaitu penyalahgunaan pas.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh JIM, bagi tempoh 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2008, **seramai 6,572 orang warganegara asing telah ditangkap kerana melakukan kesalahan di bawah Peraturan - Peraturan Imigresen 1963 (Peraturan 39 (b)).** Dari jumlah ini, **bilangan pelajar yang ditangkap** di bawah seksyen ini adalah dianggarkan **kurang daripada lima peratus (5%).** Kementerian tidak dapat memperincikan warganegara pelajar ini kerana statistik yang dikumpulkan adalah berdasarkan jenis kesalahan yang dilakukan dan bukan berdasarkan pas imigresen yang dipegang.

Justeru itu, bagi pelajar-pelajar atau mana-mana warganegara asing yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 (Perkara 39(b)), mereka **akan didenda, data biometriknya akan disimpan** di dalam sistem Jabatan Imigresen Malaysia, **disenaraihitamkan,** dan **dihantar pulang** bagi memastikan pelajar ini **TIDAK** dapat memasuki negara ini lagi. Manakala bagi Institut Pengajian Tinggi Swasta yang membenarkan penyalahgunaan pas pelajar di kalangan pelajarnya, **kelulusan KDN bagi pengambilan pelajar asing akan ditarik semula** dan akan **disenaraihitamkan.** Sehingga kini sebanyak **36 IPTS yang telah dibatalkan kelulusan untuk pengambilan pelajar asing kerana melakukan pelbagai kesalahan.**

**NO. SOALAN : 28**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

**TARIKH : 17 MAC 2009**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan ke negeri Kelantan mengikut kawasan Parlimen dan jenis peruntukan sejak tahun 1990 hingga kini.

**JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM**

Tuan Yang Dipertua, Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen yang disalurkan melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan kepada setiap kawasan Parlimen di negeri Kelantan mulai dari tahun 2000 hingga sekarang adalah seperti berikut:

| TAHUN | PERUNTUKAN UNTUK SETIAP KAWASAN PARLIMEN (RM) |
|---|---|
| 2000 | 500,000 |
| 2001 | 500,000 |
| 2002 | 500,000 |
| 2003 | 500,000 |
| 2004 | 600,000 |
| 2005 | 550,000 |
| 2006 | 2,000,000 |
| 2007 | 1,000,000 |
| 2008 | 1,000,000 |
| 2009 | 1,000,000 |

**Soalan No : 29**

## PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. TUAN DING KUONG HIING (SARIKEI)**

**TARIKH** : **17.03.2009**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN DING KUONG HIING [ SARIKEI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada graduan universiti yang berkelulusan pendidikan adalah berkelayakan untuk dilantik untuk menyandang jawatan guru besar sekolah rendah. Sekiranya tidak, apakah sebabnya. Sekira ya, apakah taraf kelayakan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan untuk menyandang jawatan guru besar sekolah rendah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara prinsipnya, pada masa ini gred jawatan hakiki guru besar sekolah rendah ialah Gred DGA32 dan DGA34 yang dikhususkan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma (PPPLD). Walau bagaimanapun, mulai tahun 2008, sebanyak 233 orang Guru Besar gred DG41 yang merupakan bekas PPPLD yang telah menyambung pengajian ke peringkat ijazah telah ditempatkan semula sebagai Guru Besar Sekolah Rendah secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

**SOALAN NO : 30**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **JAWAPAN LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **Y.B. TUAN FONG KUI LUN** |
| | | **[ BUKIT BINTANG ]** |
| **TARIKH** | : | **17 MAC 2009** |

**SOALAN**

**Y.B. TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah persediaan Kerajaan untuk membantu rakyat yang menghadapi berbagai masalah berikutan krisis ekonomi melanda dunia sejajar dengan langkah-langkah yang diambil oleh banyak negara di dunia.

**CADANGAN JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menghadapi keadaan yang lemah akibat kemelut kewangan yang bermula di Amerika Syarikat, kebanyakan negara telah mengambil pelbagai langkah termasuk memperkenalkan pakej rangsangan fiskal dengan menambah perbelanjaan awam serta menurunkan kadar faedah bagi menggiatkan semula pertumbuhan ekonomi. Sejajar dengan usaha yang diambil oleh banyak negara di dunia ini, Kerajaan telah pun melancarkan dua Pakej

Rangsangan Ekonomi bagi menangani kesan kemelesetan ekonomi global ke atas ekonomi negara.

Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama jumlah yang diperuntukan adalah sebanyak RM7 bilion. Bidang utama yang diberi penekanan termasuklah memperkukuhkan daya tahan negara (RM3.4 bilion), program menjamin kesejahteraan rakyat (RM2.6 bilion), membangunkan modal insan berkualiti (RM1 bilion), meningkatkan keberkesanan perbelanjaan Kerajaan, menyediakan persekitaran perniagaan dan pelaburan yang kondusif serta program meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat.

Di bawah Pakej Rangsangan Kedua pula, penekanan adalah kepada:

1) **Mengurangkan pengangguran dan menambah peluang pekerjaan** dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion iaitu seperti menyediakan latihan dan mewujudkan peluang pekerjaan(163,000 pekerjaan) serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di sektor awam (63,000 tempat)
2) **Meringankan beban rakyat terutamanya golongan mudah terjejas** dengan peruntukan sebanyak RM10 bilion iaitu melalui pemberian subsidi bahan makanan (RM674 juta), pampasan tol (RM480 juta), bantuan golongan kurang bernasib baik, pusat penjagaan warga tua dan lain-lain (tambahan RM20 juta)
3) **Membantu sektor swasta menghadapi krisis** dengan jumlah peruntukan sebanyak RM29 bilion iaitu antara lainya dengan menubuhkan Skim Jaminan Modal Kerja (RM5 bilion), Dana Jaminan Penstrukturan Semula Industri (RM5 bilion), mengurangkan kos perniagaan, menggalakkan

sektor automotif, mempergiatkan aktiviti pelancongan; dan akhir sekali ialah

4) **Membina keupayaan masa depan** dengan jumlah peruntukan sebanyak RM19 bilion iaitu melalui meningkatkan dana pelaburan Khazanah Nasional dalam sektor strategik (RM10 bilion), pelaksanaan projek *off-budget* (RM5 bilion), dana bagi pelaksanaan projek PFI (RM2 bilion) dan sebagainya.

Kesimpulannya ialah, Kerajaan sentiasa prihatin dengan beban yang perlu ditanggung oleh rakyat di dalam suasana ekonomi global yang semakin mencabar. Justeru itu, Pakej Rangsangan Kedua telah diumumkan bagi memastikan nasib rakyat akan terus terpelihara.

**SOALAN NO: ~~18~~ 31**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ALOR GAJAH]**

**TARIKH : SELASA, 17 MAC 2009**

**RUJUKAN : 18**

**SOALAN :**

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat menjadikan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebuah badan yang lebih mesra rakyat (*people friendly*) kerana dalam persepsi rakyat DBKL adalah satu agensi yang kurang memahami masalah rakyat, terutamanya peniaga-peniaga.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Alor Gajah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa memberi penekanan kepada penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan dari segi keberkesanan dan keseragaman. Ini adalah satu cara merakyatkan Kerajaan menerusi Pihak Berkuasa Tempatan. Usaha ini selaras dengan hasrat dan inisiatif Kerajaan untuk membangunkan sistem penyampaian yang bersepadu, cekap, *reliable* dan *on time.*

Sebagai penanda aras yang diberikan kepada orang ramai dan warga asing, DBKL tidak dapat lari dari tanggungjawabnya untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa cekap dan mesra pelanggan termasuklah kepada para peniaga di sekitar Kuala Lumpur.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh DBKL bagi merealisasikan hasrat tersebut adalah dengan membangunkan **sistem e-Lesen di mana permohonan lesen baru boleh dibuat secara online.** Pemohon juga boleh **memperbaharui lesen secara online** di DBKL.

DBKL juga telah mewujudkan **Lesen Serta Merta** yang dikeluarkan bagi **244 jenis aktiviti perniagaan yang tidak berisiko.** Bagi aktiviti perniagaan yang berisiko, **tempoh pemprosesan dipendekkan dari 180 hari kepada 21 hari.** Dalam masa yang sama, DBKL telah mengenal pasti **34 aktiviti perniagaan jenis perkhidmatan yang tidak berisiko** untuk dipertimbangkan **kelulusan segera tanpa pemeriksaan premis.** Selain itu, DBKL juga telah **mewujudkan lesen komposit di mana permohonan untuk beberapa jenis lesen digabungkan** seperti lesen premis untuk semua jenis aktiviti dan lesen iklan.

Para peniaga juga dibenarkan untuk terus menjalankan aktiviti perniagaan setelah mengemukakan borang permohonan lesen perniagaan dan menerima Kad Akuan Penerimaan Permohonan termasuk juga bagi pemasangan papan iklan premis. Kebenaran ini diberikan dalam tempoh 14 hingga 30 hari sebelum mendapat lesen perniagaan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, DBKL telah melancarkan **Sistem Kawalan Perancangan (SKP) pada 17 Januari 2007** yang merupakan satu **sistem bersepadu yang merangkumi tugas-tugas pengurusan, pemantauan dan pengawalan pemprosesan permohonan pembangunan secara berkomputer.** Melalui SKP,

pemprosesan permohonan kebenaran perancangan, penyampaian data dan maklumat kepada pelanggan, pihak pengurusan dan Jawatankuasa Perancang Bandar serta **pemantauan permohonan kebenaran perancangan boleh dibuat secara *online* sepenuhnya.**

Sejak SKP digunakan, tempoh **proses permohonan kebenaran perancangan di Kuala Lumpur telah dapat dipendekkan dengan ketara** seperti berikut:

(i) **dari 120 hari kepada 50 hari** untuk **projek berskala besar;**

(ii) **dari 60 hari kepada 35 hari** untuk **projek berskala sederhana**; dan

(iii) **dari 45 hari kepada 21 hari** untuk **projek berskala kecil.**

Penggunaan **kecanggihan teknologi maklumat** dalam menjalankan tugas harian secara intensif dan meluas, menerusi **program latihan khas, bengkel dan kolokium** untuk mempertingkatkan kemahiran kakitangan menggunakan kemudahan-kemudahan teknologi telah dapat meningkatkan lagi tahap keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan di DBKL.

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sememangnya sentiasa berusaha untuk membantu para pekedai kecil, peniaga dan seluruh warga kota di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terutamanya ketika keadaan ekonomi negara yang agak lembab. Antara langkah-langkah

yang telah dilaksanakan ialah menyediakan pusat-pusat penjaja dan mewujudkan Bazaria Larut Malam di sekitar Kuala Lumpur. **Selain itu, DBKL juga telah mengambil langkah untuk mengurangkan kadar sewa gerai DBKL sehingga 25 peratus bagi membantu peniaga-peniaga kecil di sekitar Kuala Lumpur.** Gerai-gerai yang terlibat adalah seperti gerai-gerai di Jalan Petaling dan Pusat Penjaja " The Makan Place", Mid Valley Mega Mall, Kuala Lumpur.

Berkaitan dengan cukai taksiran, adalah dimaklumkan bahawa mengikut amalan biasa nilai cukai taksiran akan disemak semula berasaskan kepada penilaian terhadap harta yang dilaksanakan pada setiap 10 tahun sekali. **Kali terakhir semakan penilaian harta dan cukai taksiran bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah pada tahun 1992. Sepatutnya, penilaian semula dilakukan pada tahun 2002. Dalam hal ini, Kementerian Wilayah Persekutuan telah memutuskan supaya proses penilaian semula ke atas keseluruhan harta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tersebut ditangguhkan lagi.**

Cukai taksiran merupakan cukai ke atas pemilikan harta, termasuk tanah kosong di mana bayaran cukai ini perlu dijelaskan kepada DBKL setiap 2 kali setahun. Walau bagaimanapun, **DBKL menyediakan kemudahan untuk menjelaskan bayaran ini secara berjadual dengan syarat jumlah cukai tersebut dijelaskan dalam tahun yang sama.** Ini membolehkan para peniaga merancang pembayaran secara berjadual berbanding dengan membuat bayaran secara sekaligus setiap 6 bulan sekali.

DBKL turut menyediakan **kemudahan pembayaran bil** kepada pelanggan di mana **cukai taksiran boleh dibayar melalui portal e-**

**service, Maybank2u, BIMB, Citibank, CIMB, Bank Rakyat, Pos Online, EON Bank, AmBank, HSBC, Public Bank, MBF Card, dengan menggunakan kad kredit, kad debit dan MEPS Cash.**

DBKL juga membuka **kaunter tambahan di pusat-pusat membeli-belah** bagi memudahkan pembayar cukai menjelaskan bil cukai taksiran ketika tempoh puncak pembayaran perlu dibuat seperti di Jusco Maluri, Berjaya Times Square, One Utama, Carrefour Kepong, Carrefour Wangsa Maju dan Mid Valley Megamall.
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua langkah yang diambil oleh DBKL ini adalah untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa cekap dan mesra pelanggan termasuklah kepada para peniaga di sekitar Kuala Lumpur.

Namun, bagi memastikan keselamatan, suasana dan pemandangan di sekitar Bandar Raya Kuala Lumpur sentiasa terjaga, DBKL terpaksa mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap para peniaga dan penjaja yang tidak mematuhi peraturan seperti yang telah ditetapkan.

No: 32

# PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : **BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **Tuan Lim Guan Eng [Bagan]**

**TARIKH** : **17 Mac 2009 (SELASA)**

**SOALAN** : ~~21~~

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah keuntungan tahunan Pelabuhan Pulau Pinang, Melaka, Klang, Kuantan dan Tanjung Pelepas sejak tahun 2000 dan jumlah perbelanjaan Kerajaan untuk tempoh masa sama. Apakah rancangan untuk memulihkan Pelabuhan Pulau Pinang termasuk juga pusat penangkapan ikan tuna dan 'barter trading'.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Y.B. dari Bagan, keuntungan selepas cukai bagi Penang Port Sdn. Bhd adalah seperti berikut:-

- tahun 2000 sebanyak RM26.5 juta;
- tahun 2001 sebanyak RM20.2 juta;
- tahun 2002 sebanyak RM14.9 juta;
- tahun 2003 sebanyak RM12.8 juta;
- tahun 2004 sebanyak RM14.2 juta;
- tahun 2005 sebanyak RM5.6 juta;
- tahun 2006 sebanyak RM12.8 juta; dan
- tahun 2007 sebanyak RM23 juta

Bagi Pelabuhan Melaka, Klang, Kuantan dan Tanjung Pelepas, butir-butir keuntungan selepas cukai bagi setiap pelabuhan berkenaan telah disediakan dalam jawapan ini. Walau bagaimanapun, untuk menjimatkan masa, Kementerian Pengangkutan ingin memaklumkan bahawa keuntungan selepas cukai bagi Syarikat Perkhidmatan Pelabuhan Gabungan, Pelabuhan Melaka pada tahun 2000 ialah sebanyak RM3.8 juta dan menurun kepada RM2.6 juta pada tahun 2007. Bagi Northport (Malaysia) Berhad, keuntungan selepas cukai pada tahun 2000 ialah sebanyak RM51.3 juta dan meningkat kepada RM128.1 juta pada tahun 2007. Manakala bagi Westports (Malaysia) Sdn. Bhd., keuntungan selepas cukai bagi tahun 2000 ialah RM31.1 juta dan meningkat kepada RM237.6 juta pada tahun 2007. Bagi

Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd., keuntungan selepas cukai pada tahun 2000 ialah RM13.5 juta dan meningkat kepada RM26.4 juta pada tahun 2007. Manakala bagi Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd., keuntungan selepas cukai pada tahun 2000 ialah sebanyak RM38 juta dan pada tahun 2007 meningkat kepada RM115.1juta.

Keuntungan selepas cukai bagi syarikat-syarikat pengendali pelabuhan tersebut untuk tahun 2008 tidak dapat dinyatakan di sini memandangkan laporan kewangan syarikat-syarikat pengendali pelabuhan berkenaan sedang diaudit.

Dari segi perbelanjaan pembangunan Kerajaan bagi tempoh yang sama, perbelanjaan pembangunan bagi Pelabuhan Pulau Pinang ialah sebanyak RM109 juta, Pelabuhan Melaka sebanyak RM4.4 juta, Pelabuhan Klang sebanyak RM310 juta, Pelabuhan Tanjung Pelepas sebanyak RM200 juta manakala bagi Pelabuhan Kuantan, tiada perbelanjaan pembangunan dilakukan.

Perbelanjaan pembangunan Pelabuhan Pulau Pinang oleh Kerajaan adalah untuk pembinaan marina yang siap pada tahun 2004 dan pembangunan semula Jeti Swettenham di mana ia masih dalam peringkat akhir pembinaan.

Di samping itu, Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) juga turut membiayai perbelanjaan pembangunan di Pelabuhan Pulau Pinang untuk meningkatkan operasi pelabuhan. Sebagai contoh, di bawah rancangan pembesaran Pangkalan Kontena Butterworth Utara untuk Fasa 2B, sebanyak RM180.5 juta telah dibelanjakan bagi membina

dermaga sepanjang 300 meter serta pembelian alat-alat jentera pengendali.

Untuk makluman, pihak PPSB mempunyai rancangan untuk menambahbaik kemudahan di Dermaga Prai bagi aktiviti *barter trade,* namun keputusan akhir masih belum dibuat. Sehubungan ini, butiran lanjut mengenai rancangan ini tidak dapat diberikan. Selain itu, Kementerian Pengangkutan juga ingin memaklumkan bahawa pusat penangkapan ikan tuna adalah dibawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

**SOALAN NO.: 33**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]

**TARIKH** : 17 MAC 2009

**SOALAN** :

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah pihak Kementerian merancang untuk mendalamkan bahagian muara di Sungai Kemena untuk kemudahan kapal masuk-keluar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian peka dengan masalah kecetekan muara Sungai Kemena, Bintulu, Sarawak yang menyebabkan kesukaran kepada bot-bot nelayan dan komersial untuk keluar masuk ke jeti dan kompleks pendaratan ikan di kawasan muara tersebut. Bagi menangani masalah ini, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan memohon peruntukan yang sewajarnya dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) untuk melaksanakan projek pengorekan dan pemuliharaan muara Sungai Kemena.

Sekian, terima kasih.

No. Soalan : ~~18~~ 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**
**DARIPADA** : **DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA**
**TARIKH** : **17 MAC 2009**

**SOALAN**

**DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA (PARIT BUNTAR)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah pengusaha lori mengenakan caj tambahan sewenang-wenangnya bagi barang yang diangkut dan apakah kuasa Kementerian mengawal tindakan pengusaha ini supaya tidak membebankan pengguna.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, caj tambahan yang dikenakan oleh pengusaha lori bagi barang-barang yang diangkut adalah merupakan nilai tambah perkhidmatan yang ditawarkan seperti perkhidmatan pembungkusan, *loading, unloading,* insuran dan sebagainya. Nilai tambah perkhidmatan ini adalah untuk kemudahan pengguna dan kadar caj tersebut tidak dikawal oleh Kerajaan. Sehubungan dengan itu, ianya perlu dipersetujui oleh kedua-dua pihak sebelum dilaksanakan. Sehingga 31 Disember 2008, terdapat 232,992 lesen lori pembawa A dan pembawa C yang telah dilesenkan. Bilangan yang

mencukupi ini membolehkan pengguna membuat pilihan dan perbandingan harga bagi memperoleh "*value fo money*" yang terbaik untuk mereka.

25/2/09.

**Disediakan Oleh** : **EN. NOR NEKMAN BIN JAIMON**
**KPP (LPKP) 1**
: **No.Tel. Pejabat : 03-88805478**
: **No. H/P : 019-2768803**

25/2/09

**Disemak Oleh** : **DATIN NAIMAH BINTI RAMLI**
**PENGARAH LPKP**
: **No.Tel. Pejabat : 03-88805473**
: **No. H/P : 012-3250969**

**Diluluskan Oleh** : **EN. ALWI BIN HAJI IBRAHIM**
**TKSU (P)**

**Soalan No : 35**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. . PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN (TANJONG MANIS)**

**TARIKH : 17.03.2009**

**SOALAN:**

**Y.B. PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menukar kalendar permulaan persekolahan memandangkan negara kita selalu dilanda banjir pada bulan Januari setiap tahun dan sebanyak 119 sekolah di negeri Sarawak terpaksa ditutup baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pernah mengubah kalendar permulaan persekolahan daripada bulan Januari ke bulan Disember. Namun, pada tahun 1997, tarikh permulaan persekolahan telah ditukar semula kepada bulan Januari. Justifikasi perubahan semula tarikh permulaan persekolahan adalah:

(i) mengambilkira pandangan ibu bapa dan PIBG supaya tarikh permulaan persekolahan diubahsuai bagi memudahkan cuti tahunan yang diambil oleh ibubapa/penjaga pada akhir tahun selaras dengan cuti penggal persekolahan;

(ii) supaya penggal persekolahan akan bermula pada awal tahun dan berakhir pada penghujung tahun;

(iii) memudahkan penyelarasan tahun kewangan; dan

(iv) mengambil kira kedatangan musim banjir yang tidak dapat dijangka.

**SOALAN NO: 36**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : **TUAN MOHSIN FADZIL BIN HAJI SAMSURI ( BAGAN SERAI )**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**TARIKH** : **17.03.2009**

**Tuan Mohsin Fadzil bin Haji Samsuri ( Bagan Serai )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan dan prosedur serta langkah yang telah diambil dalam mengatasi penyelewengan penyelenggaraan kenderaan rasmi Kerajaan Perdana Executive sebagaimana berlakunya di Terengganu dan Perak sehingga menimbulkan ketidak yakinan kepada Kereta Nasional.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pengurusan dan penyelenggaraan Kereta Rasmi oleh Jabatan Kerajaan Persekutuan termasuk Kerajaan Negeri tertakluk kepada pekeliling-pekeliling Perbendaharaan.

2. Sehubungan itu, isu penyelewengan penyelenggaraan kenderaan rasmi di peringkat Negeri jika berlaku, boleh ditangani sendiri oleh pentadbiran Kerajaan Negeri dengan mematuhi semua Pekeliling yang berkuat kuasa.

**SOALAN NO. ( 37 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| PERTANYAAN | : | LISAN |
| DARIPADA | : | Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID (PADANG BESAR) |
| TARIKH | : | 17 MAC 2009 (SELASA) |

**SOALAN :**

**Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID (PADANG BESAR)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejak tahun 2000 hingga 2008 berapakah jumlah syarikat pemaju perumahan yang diberi kelulusan pembangunan di seluruh jajaran Bukit Ampang dan berapa dari mereka yang keluasan tanahnya kurang dari 50 ekar. Berapa peratus dari mereka yang mendapat kelulusan EIA.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat yang diterima daripada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menunjukkan sebanyak 32 pembangunan di Jajaran Bukit Ampang telah diluluskan oleh MPAJ dari tahun 2000 hingga 2008. Dari jumlah tersebut, sebanyak 10 pembangunan melibatkan tanah yang melebihi 50 ekar. Dalam pada itu, jumlah pembangunan yang telah mendapat kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) pula ialah tiga.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

**SOALAN No.: 38**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**
**PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN
[ PADANG SERAI ]

**TARIKH** : 17 MAC 2009

**SOALAN:**

**Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [ Padang Serai ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan Memandangkan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 telah digubalkan untuk mengawal penggunaan tanah, tidakkah perlu Kanun Tanah Negara dipinda supaya fungsi mengawal penggunaan tanah diletakkan bawah undang-undang perancangan dan bukan undang-undang tanah lagi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian berpendapat bahawa Kanun Tanah Negara tidak perlu dipinda bagi meletakkan fungsi mengawal penggunaan tanah di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976. Ini adalah kerana Kanun Tanah Negara digubal bagi tujuan penyeragaman undang-undang dan dasar berkaitan pemegangan tanah (*land tenure*), pendaftaran hakmilik tanah, urusniaga berkaitan tanah dan seumpamanya bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Manakala Akta Perancang bandar dan Desa 1976 pula digubal bagi tujuan keseragaman undang-undang dan dasar berkaitan

dengan kawalan dan peraturan-peraturan perancangan bandar dan desa bagi kawasan-kawasan di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Semenanjung Malaysia.

Kedua-dua akta ini mempunyai fungsi dan bidang liputan yang berbeza tetapi saling berkaitan antara satu sama lain.

Sekian, terima kasih.

**Soalan No : 39**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN AARON AGO ANAK DAGANG (KANOWIT)**

**TARIKH : 17.03.2009**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN AARON AGO ANAK DAGANG [ KANOWIT ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah bantuan kewangan yang telah dipohon dan diberi semenjak tahun 2004 bagi menolong sekolah-sekolah bantuan Kerajaan seperti sekolah SJKT, SJKC, Mubaligh, Agama dan lain-lain mengikut negeri di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap permasalahan tanpa mengira jenis sekolah. Agenda utama Kerajaan adalah untuk membangunkan pendidikan negara secara menyeluruh; merapatkan jurang pembangunan, prasarana dan pencapaian murid; memperbaiki sekolah daif, serta menyediakan akses dan pendidikan yang berkualiti kepada semua murid.

KPM telah menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM100 juta untuk sekolah-sekolah bantuan kerajaan dalam RMKe-9. Selain daripada peruntukan tersebut, sekolah-sekolah bantuan turut menerima peruntukan daripada pelbagai sumber lain seperti melalui Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, Jabatan Perdana Menteri, dan pelbagai agensi bukan kerajaan. Di samping itu,

KPM juga menyediakan Pelan Tindakan Memantapkan Sekolah Bantuan Kerajaan yang bertujuan untuk membangunkan sekolah-sekolah tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada awal tahun 2009, Kerajaan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM200 juta kepada semua kategori Sekolah Bantuan Kerajaan iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan sekolah mubaligh di mana setiap kategori sekolah berkenaan menerima peruntukan berjumlah RM50 juta. Bantuan kewangan tersebut adalah di bawah Pakej Rangsangan Memperkukuhkan Daya Tahan Ekonomi Negara 2009 di mana peruntukan tersebut akan digunakan untuk tujuan pembaikan kecil serta pembelian harta modal (perabot sekolah).

KPM juga menyediakan peruntukan belanja mengurus yang merangkumi peruntukan bagi peralatan pengajaran dan pembelajaran (P&P), emolumen dan elaun guru, bayaran utiliti, pemberian Bantuan Per Kapita (PCG), kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan. Peruntukan ini diberikan secara sama rata kepada semua sekolah sama ada kepada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan berdasarkan bilangan murid, bilangan guru serta gred sekolah tersebut.

**SOALAN NO.** 40

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' HAJI WAN ABDUL RAHIM BIN WAN ABDULLAH [KOTA BHARU]**

**TARIKH** : **17 MAC 2009**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Wan Abdul Rahim Bin Wan Abdullah [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membuka peluang kepada rakyat Malaysia membuat pendaftaran Pemilih secara Online.

**JAWAPAN:** **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia sedang mengkaji kaedah pelaksanaan urusan pendaftaran pemilih secara *Online*. Walau bagaimanapun, usaha untuk membolehkan warganegara Malaysia mendaftar sebagai pemilih secara *Online* memakan masa yang panjang kerana ia melibatkan kajian lain seperti kajian aspek keselamatan dan penerimaan masyarakat serta pindaan ke atas undang-undang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 41

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADIN [KINABATANGAN]** |
| **TARIKH** | : | **17 MAC 2009** |
| **RUJUKAN** | : | **1602** |

**SOALAN :**

**Datuk Bung Mokhtar Bin Radin [Kinabatangan]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

(a) kewajaran serta kepentingan sistem kepolisan negara dalam membendung masyarakat majmuk di negara kita; dan

(b) langkah Kerajaan dalam menaiktaraf bangunan Polis Diraja Malaysia terutamanya di daerah Kinabatangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kinabatangan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, sistem kepolisan negara Malaysia dapat dibahagiakan kepada tiga era. Sistem kepolisan di negara ini berevolusi mengikut senario dan keadaan semasa keselamatan dalam negara. Era yang pertama dikenali sebagai Sistem Kepolisan Era Politik. Era ini bermula pada tahun 1957 hingga 1967 di mana cabaran yang dihadapi oleh negara pada masa tersebut ialah untuk meneruskan kemerdekaan, mempertahankan kedaulatan undang-undang, menangani kegiatan kongsi gelap, ancaman komunis dan konfrantasi dengan Indonesia. Sistem kepolisan yang diamalkan pada era ini adalah berorientasikan kepada kaedah tradisional atau dengan izin, 'Traditional Oriented Policing' yang dijalankan melalui kaedah rondaan berjalan kaki atau bit dan konstabel masyarakat (KONMAS) yang membuat rondaan di bandar dan kampung. Institusi polis dalam era ini berfungsi sebagai pemberi perkhidmatan yang meluas kepada masyarakat. Budaya kerja dan nilai organisasi pada ketika itu adalah berpaksikan kepada motto "Bersedia Berkhidmat". Era yang kedua dikenali sebagai Sistem Kepolisan Era Reform iaitu bermula pada tahun 1967 hingga 1999. Pelaksanaan sistem kepolisan dalam era ini memberi fokus

kepada mengawal kejadian jenayah melalui program-program pencegahan jenayah seperti melalui kaedah rondaan berjalan kaki, bermotosikal, berkereta serta bertindak berdasarkan maklumat atau panggilan daripada maklumat orang ramai. Pelaksanaan sistem kepolisan pada era ini adalah menekankan kepada penyelesaian masalah atau dengan izin, 'Problem Solving Oriented Policing' dalam mengurus pelbagai masalah dan isu keselamatan yang berlaku dalam masyarakat. Pendekatan ini adalah bersesuaian dengan cabaran yang dihadapi pada ketika itu yang datangnya daripada kumpulan pelampau agama dan ancaman perkauman seperti peristiwa 13 Mei 1969, Memali, Kerling dan Batu Pahat. Pada ketika itu, hubungan professional yang terbentuk di antara pihak polis dengan masyarakat adalah agak renggang. Selain itu, bagi menghadapi ledakan pembangunan negara yang menuju ke arah industrialisasi dan 'Malaysia Incorporation', Polis Diraja Malaysia telah melakukan satu anjakan paradigma melalui budaya kerja dan nilai organisasi "Cepat dan Betul" dan seterusnya "Mesra, Cepat dan Betul".

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa kini, pihak polis telah memasuki satu era baru yang dikenali sebagai Sistem Kepolisan Era Komuniti. Era ini bermula sejak tahun 2000 sehingga sekarang. Kemajuan teknologi ICT telah mewujudkan cabaran baru terhadap keselamatan negara dengan timbulnya jenayah rentas sempadan dan jenayah siber. Kejadian 11 September dan perubahan lanskap politik dalam negara turut

memberikan impak kepada sistem kepolisan. Justeru itu, "Intelligence-led Policing" menjadi kaedah utama dalam sistem kepolisan dan turut mengubah fungsi polis kepada memberi perkhidmatan keselamatan yang meluas kepada masyarakat terutama sekali dari aspek mencegah jenayah, mengawal ketenteraman awam, penyelesai masalah sosial dan menjalin hubungan rapat dengan masyarakat. Konsep kepolisan berorientasikan masyarakat atau dengan izin "Comunity Oriented Policing (COP)" dilaksanakan dengan melibatkan ahli masyarakat dalam program mencegah jenayah bagi menjaga keselamatan dan ketenteraman penempatan mereka. Ini bertepatan dengan motto atau nilai organisasi yang diamalkan oleh PDRM pada masa sekarang iaitu "Tegas, Adil dan Berhemah". Segala tindakan adalah dijalankan mengikut rule of law sepertimana yang terkandung dalam undang-undang negara tanpa membezakan atau mendiskriminasi mana-mana kaum, agama, pendidikan dan gender. Sistem kepolisan yang dijalankan di negara ini adalah mengikut kehendak rule of law dan Perlembagaan Persekutuan bagi mengekalkan kelangsungan masyarakat majmuk yang bersatu padu di negara ini.

SOALAN NO: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| PERTANYAAN | : | BAGI JAWAPAN LISAN |
| DARIPADA | : | Y. B. LIM LIP ENG (SEGAMBUT) |
| TARIKH | : | 17 Mac 2009 |

**SOALAN:**

Minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Pelan Induk Dasar Pengangkutan Awam dan Dasar Pengangkutan Negara akan siap disediakan dan siapakah pakar-pakar luar yang dilantik dalam penyeliaan dasar-dasar ini dan kos keseluruhan yang terbabit.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan sedang melaksanakan Kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam bagi Bandar-Bandar Utama di Malaysia dan *Malaysia Institute of Transport* (MITRANS), Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah dilantik sebagai juruperunding kajian ini. Kajian ini dijangka akan siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2009.

Kajian Dasar Pengangkutan Negara pula dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan. Pada masa ini, kajian tersebut sedang dimuktamadkan dan dijangka siap pada pertengahan tahun ini. Perunding yang telah dilantik bagi kajian ini ialah Syarikat Innovation Associates Consulting Sdn Bhd iaitu sebuah syarikat perunding tempatan. Kos kedua-dua kajian ini berjumlah RM3.63 juta.

**SOALAN NO. 43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK ROSNAH ABDUL RASHID SHIRLIN (PAPAR)**

**TARIKH : 17 MAC 2009 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Y.B. Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengenai perkembangan Dewan Nur yang dicadangkan untuk dibina di kawasan yang telah dikenal pasti dengan kos RM 4 Juta seperti yang dijanjikan untuk dilaksanakan dalam RMK-9 dan sepatutnya bermula tahun lalu.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah RMK-9, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) diperuntukkan sebanyak RM5.6 juta untuk membina, membeli ataupun menyewa 9 Dewan Nur seperti berikut:-

i. Nibong Tebal, Pulau Pinang

ii. Tasek Gelugor, Pulau Pinang

iii. Muar, Johor

iv. Jempol, Negeri Sembilan

v. Lembah Pantai, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

vi. Silam, Sabah

vii. Jasin, Melaka

viii. Masjid Tanah, Melaka

ix. Kepala Batas, Pulau Pinang

Status pelaksanaan kesemua 9 Dewan Nur ini adalah seperti berikut:-

**a) Siap sepenuhnya :**

i. Jempol, Negeri Sembilan

ii. Lembah Pantai, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

**b) Telah Siap Dan Dalam Proses Kerja-Kerja Tambahan :**

i. Jasin, Melaka (dijangka siap April 2009)

ii. Silam, Sabah (dijangka siap Mei 2009)

iii. Muar, Johor (dijangka siap Jun 2009)

iv. Nibong Tebal, Pulau Pinang (dijangka siap pada Ogos 2009)

**c) Dalam Proses Pembelian (Urusan Pindah Milik)**

i. Masjid Tanah, Melaka (dijangka selesai Jun 2009)

ii. Kepala Batas, Pulau Pinang (dijangka selesai Jun 2009)

iii. Tasek Gelugor, Pulau Pinang (dijangka selesai Jun 2009)

**SOALAN NO : 44**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI**
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **TUAN HEE LOY SIAN** |
| | | **[ PETALING JAYA SELATAN ]** |
| **TARIKH** | : | **17 MAC 2009** |
| **SOALAN** | : | |

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan membina hospital Kerajaan di kawasan lingkungan Petaling Jaya dan Kelana Jaya memandangkan kepadatan penduduk yang semakin meningkat di kawasan tersebut di mana terdapat ramai golongan menengah bawahan dan golongan berpendapatan rendah yang kebanyakan tidak mampu untuk mendapatkan rawatan daripada hospital-hospital swasta yang mengenakan cas perkhidmatan yang tinggi.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan tidak merancang untuk membina Hospital di kawasan lingkungan Petaling Jaya dan Kelana Jaya. Ini kerana penduduk di Petaling Jaya dan Kelana Jaya boleh mendapatkan kemudahan rawatan di Hospital Kuala Lumpur atau di

Hospital Universiti yang terletak di kawasan Petaling Jaya. Bagi penduduk di selatan Petaling Jaya, kemudahan hospital boleh di dapati apabila Hospital Shah Alam siap dibina kelak.

No. Soalan : ~~48~~ 45.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **DATO' ISMAIL BIN KASIM** |
| **TARIKH** | : | **17 MAC 2009** |

**Dato' Ismail bin Kasim [Arau]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan merancang untuk meningkatkan mutu perkhidmatan teksi, yang boleh dianggap sebagai *frontline* sektor pelancongan kerana para pelancong ke negera kita meletakkan perkhidmatan teksi Malaysia sebagai yang paling buruk dari segi kualiti, layanan, kekerapan khidmat dan kemahiran perkhidmatan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah dan sedang merangka beberapa langkah untuk meningkatkan mutu dan imej perkhidmatan teksi kepada para pelancong. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan ialah:-

1. **Pewujudan satu kelas perkhidmatan teksi baru iaitu teksi eksekutif** yang mempunyai keupayaan enjin 1,950 cc ke atas dari jenis saloon dan *Multi Purpose Vehicles* (MPV). Tujuan utama perkhidmatan ini diwujudkan ialah bagi memenuhi keperluan dan kehendak industri pelancongan yang inginkan perkhidmatan yang lebih baik dan berkualiti. Teksi eksekutif mempunyai ruang bagasi dan tempat duduk yang lebih luas dan selesa.

2. **Pemberian opsyen kepada pemegang lesen teksi Lembah Kelang untuk menukar perkhidmatan dari teksi bajet dan premier ke teksi eksekutif semasa proses permohonan ganti kenderaan** yang diharap dapat mengubah imej seterusnya meningkatkan tahap perkhidmatan teksi secara berperingkat.

3. **Penganjuran kursus *'refresher'* kepada pemandu teksi** untuk meningkatkan pembangunan disiplin dan etika pemandu seperti cara berinteraksi, pemanduan yang berkualiti, tatakelakuan yang berhemah, pemahaman undang-undang dan semangat jati diri dalam menyediakan perkhidmatan kelas pertama. Kursus akan dilaksanakan oleh LPKP dan syarikat yang mempunyai lebih daripada 20 permit.

4. **Mengedarkan Buku Kod Etika Pemandu Pengangkutan Awam**. Buku ini mengandungi garis panduan yang boleh dijadikan penanda aras kualiti perkhidmatan pengangkutan awam di Malaysia dengan memberi penekanan kepada aspek pemanduan berhemah, etika di jalan raya dan ketika berhadapan dengan penumpang, penampilan diri serta tatakelakuan.

5. **Pemakaian uniform di kalangan pemandu teksi** bagi memastikan penampilan pemandu teksi yang bersih, kemas dan menarik.

6. **Pengenalan kaunter kupon** di tempat tumpuan orang ramai seperti pusat membeli-belah dan terminal pengangkutan awam. Dengan adanya kaunter kupon, ia dapat mengelakkan pemandu teksi tidak menggunakan meter, mengelakkan daripada kegiatan ulat, dapat menyeragamkan kadar tambang teksi, memudahkan penumpang untuk mengesan / melaporkan sekiranya tertinggal / kehilangan barang di dalam teksi dan mempamerkan imej yang baik di mata pelancong asing.

7. **Rundingan dengan syarikat Proton Holdings Berhad** untuk mengeluarkan kenderaan yang khusus untuk perkhidmatan teksi.

8. **Membuka semula permohonan baru teksi dan kereta sewa kepada individu.**

9. **Penguatkuasaan secara berterusan melalui operasi bersepadu dan operasi berkala.**

10. **Memberi penekanan kepada pengurusan sistem aduan dengan menyediakan pelbagai saluran** bagi memastikan setiap aduan dapat dikemukakan dengan cepat dan senang.

Dengan pelaksanaan langkah-langkah di atas, diharap mutu dan imej perkhidmatan teksi akan dapat ditingkatkan seterusnya memberikan keyakinan dan keselesaan kepada penumpang terhadap pengangkutan awam di negara ini.

**Disediakan Oleh** : **BAITIYAMIN BIN MAMAT**

: **No.Tel. Pejabat** : **03-8880 5481**

: **No. H/P** : **012-3157994**

: **Tarikh** : **12 Mac 2009**

**Disemak Oleh** : **NAIMAH BINTI RAMLI**

: **No.Tel. Pejabat** : **03-8880 5474**

: **No. H/P** : **012-012-3250969**

: **Tarikh** : **12 Mac 2009**

**Diluluskan Oleh** : **ALWI BIN HAJI IBRAHIM**

: **Tarikh** : **13 Mac 2009**

**NO SOALAN : 46**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **YB TUAN LIEW CHIN TONG (BUKIT BENDERA)** |
| **TARIKH** | **:** | **17 MAC 2009 (SELASA)** |

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah bercadang menjemput Ahli-ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang menghadiri sessi eksesais ATM dan mengatur seminar pertukaran pandangan halatuju ATM supaya meningkatkan lagi pendidikan dan kefahaman pertahanan nasional kepada Ahli Parlimen.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Pertahanan tidak bercadang menjemput Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk melihat sebarang eksesais yang dikendalikan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Begitu juga Kementerian Pertahanan tidak bercadang untuk mengatur sebarang seminar bagi maksud pertukaran pandangan halatuju ATM supaya meningkatkan kefahaman Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai pertahanan negara.**

NO. SOALAN: 47

# PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH**

**TARIKH : 17 MAC 2009**

## SOALAN:

**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik kadar kelulusan Peperiksan Sijil Amalan Guaman (C.L.P.) setiap tahun bagi lima tahun yang lepas dan nyatakan sekiranya ada sistem kuota bagi peperiksaan tersebut.

**JAWAPAN:** **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang dipertanggungjawabkan di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166] untuk mengendalikan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman (CLP) bagi tujuan melahirkan seseorang yang mempunyai kelulusan undang-undang menjadi "orang berkelayakan" *(qualified person)* di bawah Akta sebelum orang itu dapat memulakan kerjayanya sebagai seorang peguam bela dan peguam cara di Malaysia.

Bagi menjamin kewibawaan profesion undang-undang di Malaysia khususnya bagi memenuhi keperluan semasa rakyat dan negara amnya, Lembaga Kelayakan sentiasa memastikan bahawa hanya calon yang layak sahaja dianugerahkan Sijil ini.

Secara peratusan, statistik kadar kelulusan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman bagi lima (5) tahun yang lepas adalah seperti yang berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Tahun 2004 | - | 32.86% |
| Tahun 2005 | - | 35.67% |
| Tahun 2006 | - | 26.24% |
| Tahun 2007 | - | 36.52% |
| Tahun 2008 | - | 45.54% |

Seperti yang sering ditekankan sebelum ini, Sijil Amalan Guaman yang dianugerahkan oleh Lembaga Kelayakan adalah berasaskan merit semata-mata. Lembaga Kelayakan tidak akan meluluskan mana-mana calon yang tidak layak. Tidak ada sistem kuota yang diamalkan bagi maksud peperiksaan ini.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO : 48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI**
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED [ SEKIJANG ]** |
| **TARIKH** | : | **17 MAC 2009** |
| **SOALAN** | : | |

**Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [ Sekijang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah kekurangan doktor di Hospital Daerah Segamat dapat diatasi.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Masalah kekurangan Pegawai Perubatan bukan sahaja berlaku di Hospital Segamat malahan ia berlaku diseluruh negara.

Dalam menangani masalah yang dihadapi, Kementerian Kesihatan sentiasa memandang serius akan perkara ini dan usaha-usaha berterusan masih dilakukan untuk mengisi jawatan-jawatan yang sedia ada dari masa ke masa selaras dengan hasrat untuk memastikan rakyat Malaysia mendapat perkhidmatan kesihatan yang baik. Antaranya menambah pengambilan pelajar-pelajar untuk

mengikuti Ijazah Perubatan samada di dalam atau di luar negara. Insentif-insentif tertentu diperkenalkan di samping menaikkan kadar yang sedia ada bagi tujuan menaik dan mengekal Pegawai-pegawai Perubatan untuk berkhidmat dengan Kerajaan.

Berdasarkan bilangan pelajar-pelajar perubatan yang semakin bertambah, lebih banyak pegawai boleh di lantik dan akan di tempatkan di Hospital Segamat bagi memastikan mutu perkhidmatan dan rakyat mendapat akses kepada perkhidmatan yang bermutu.

NO. SOALAN: 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MASIR ANAK KUJAT**

**TARIKH : 17 MAC 2009**

**SOALAN:**

**Tuan Masir Anak Kujat [ Sri Aman ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasil rundingan atau perbincangan Y.A.B. Perdana Menteri dengan rakan sejawat dari Indonesia mengenai keselamatan sempadan Malaysia/Indonesia, terutama sekali di Sri Aman, Sarawak.

**JAWAPAN:** **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Pada Sidang Ke-27 Jawatankuasa Am Sempadan (GBC) MALINDO yang telah diadakan Jakarta pada 10 Disember 2008 yang lalu, kedua-dua Pengerusi Bersama iaitu bagi pihak Malaysia diketuai oleh Y.A.B. Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan Malaysia dan rakan sejawatnya Prof. Dr. Juwono Sudarsono Menteri Pertahanan Indonesia tidak membincangkan mengenai keselamatan sempadan Malaysia/Indonesia khusus di Daerah Sri Aman, Sarawak. Namun begitu, di sidang tersebut beberapa perkara mengenai keselamatan khususnya di sepanjang perbatasan bersama telah dipersetujui seperti berikut:

1. **Tambahan Pos Gabungan di Wilayah Indonesia**. Sidang telah bersetuju untuk tambahan satu lagi pos gabungan di Wilayah Indonesia sebagai imbangan dengan jumlah pos gabungan yang ada di Wilayah Malaysia. Pos gabungan adalah penempatan anggota-anggota keselamatan kedua-dua negara di mana rondaan secara bersama dijalankan di kawasan sempadan bersama. Pada ketika ini terdapat tiga (3) pos gabungan di Wilayah Malaysia iaitu di Biawak dan Lubuk Antu di Sarawak serta Seliku di Sabah. Manakala di Wilayah Indonesia hanya terdapat dua (2) pos gabungan sahaja iaitu di

Entikong di Kalimantan Barat serta Simanggaris di Kalimantan Timur. Dengan terbinanya tambahan pos gabungan di Wilayah Indonesia ini, ianya akan dapat mempergiatkan lagi kegiatan membanteras aktiviti-aktiviti haram di sepanjang perbatasan bersama. Malaysia telah menyarankan agar ianya dibina di Wilayah Kalimantan Barat yang bersetentangan dengan Negeri Sarawak;

2. **Prosedur Khas Operasi Udara di Pos Gabungan**. Sidang juga telah bersetuju dan menandatangani Prosedur Khas Operasi Udara di Pos Gabungan. Ianya adalah prosedur yang perlu dilaksanakan untuk pergerakan pesawat udara di pos-pos Gabungan di Seliku, Sabah dan juga di Simanggaris, Kalimantan Timur terutamanya semasa kecemasan seperti evakuasi kecederaan serta penerbangan rutin seperti ulang-bekal serta lawatan oleh pegawai kanan tentera. Dalam hal ini, penerbangan lintas batas tidak memerlukan kelulusan diplomatik sepertimana penerbangan biasa;

3. **Tatacara Pelaksanaan Rondaan Udara Terkordinasi di Perbatasan Darat.** Persetujuan telah dicapai untuk mengadakan rondaan udara terkordinasi di sepanjang perbatasan darat bersama berpandukan kepada tatacara yang telah dipersetujui bersama untuk membantu membanteras segala kegiatan haram di sepanjang perbatasan bersama;

4. **Pertemuan Di Perbatasan**. Sidang juga telah bersetuju agar pertemuan oleh pasukan-pasukan yang bertugas di sepanjang perbatasan sama ada perbatasan darat ataupun laut kerap diadakan. Ini bagi membolehkan pertukaran informasi serta membincangkan hal-hal kepentingan bersama.

5. **Kajian Perjanjian Keselamatan Persempadanan Bersama MALINDO 1984.** Sidang telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Kajian kepada perjanjian di atas. Ini adalah kerana terdapat beberapa artikel yang terdapat dalam perjanjian tersebut tidak lagi relevan. Adalah dijangkakan kajian perjanjian ini dapat ditandatangani pada sidang Ke-38 GBC MALINDO nanti; dan

6. **Pertemuan Antara PDRM dan Polis Republik Indonesia (POLRI).** Sidang juga telah bersetuju untuk kedua-dua Kepolisan mengadakan pertemuan di antara Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) PDRM dan Polisi Daerah (POLDA) POLRI yang berkaitan mengadakan pertemuan di sepanjang wilayah perbatasan. Ianya bagi membolehkan kerjasama yang lebih erat dapat dijalin dalam membanteras kegiatan haram di sepanjang perbatasan bersama.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 50

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT [KUALA TERENGGANU]

**TARIKH** : 17 MAC 2009 (SELASA)

SOALAN :

MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN UNTUK MEMASTIKAN KETELUSAN DALAM PENGURNIAAN KONSESI KUTIPAN TOL BAGI FASA II PROJEK LEBUH RAYA PANTAI TIMUR DAN SETERUSNYA TIDAK MEMBEBANKAN RAKYAT.

**JAWAPAN :**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI BERHORMAT, SEBELUM SESUATU PERJANJIAN KONSESI DITANDATANGANI, IANYA AKAN MELALUI PELBAGAI PERINGKAT JAWATANKUASA DI UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI YANG TURUT DIANGGOTAI OLEH WAKIL-WAKIL DARIPADA AGENSI-AGENSI PERSEKUTUAN ANTARANYA KEMENTERIAN KEWANGAN, JABATAN PEGUAM NEGARA, LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA, JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN, JABATAN ALAM SEKITAR DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN.**

KERAJAAN DARI SEMASA KE SEMASA SENTIASA BERUSAHA MEMASTIKAN BAHAWA SETIAP PERJANJIAN KONSESI YANG DIMETERAI KHUSUSNYA BAGI KONSESI LEBUHRAYA BERTOL AKAN ADIL KEPADA SEMUA PIHAK.

BAGI LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FASA 2 (LPT2), KERAJAAN MASIH BELUM MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MENGENAKAN TOL. NAMUN, SEKIRANYA KERAJAAN MEMUTUSKAN UNTUK MENGENAKAN TOL, IA AKAN MENGAMBIL KIRA KOS PEMBINAAN, OPERASI DAN PENYELENGGARAAN LEBUH RAYA TERSEBUT SEPANJANG TEMPOH KONSESI. KADAR TOL YANG AKAN DIKENAKAN ADALAH BERDASARKAN JARAK (KILOMETER). KERAJAAN JUGA AKAN MEMASTIKAN KADAR TOL YANG DIKENAKAN ADALAH BERPATUTAN DAN MEMBERI MANFAAT KEPADA SEMUA PIHAK.

NO. SOALAN: 57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL**

**TARIKH : 17 MAC 2009**

**SOALAN:**

**Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan Kerajaan dalam memastikan kapal-kapal kargo milik Malaysia selamat terutamanya ketika belayar berdekatan perairan yang mempunyai risiko tinggi terutama aktiviti lanun yang aktif.

**JAWAPAN:** **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah keselamatan sewajarnya bagi memastikan keselamatan pelayaran kapal-kapal kargo Malaysia sama ada di perairan negara dan juga perairan antarabangsa yang mempunyai risiko pelanunan.

Bagi kawasan perairan negara terutamanya di Selat Melaka dan Laut China Selatan, langkah-langkah berikut telah dilaksanakan:

- Aktiviti rondaan dan penguatkuasaan yang berterusan oleh aset-aset Agensi-agensi Penguatkuasaan Maritim negara; dan
- Kerjasama bilateral dan serantau dengan negara-negara jiran seperti Indonesia, Singapura dan Filipina terutamanya dalam aspek perkongsian maklumat perisikan, pemantauan dan penguatkuasaan maritim.

Bagi kapal-kapal kargo Malaysia yang belayar di perairan antarabangsa, peringatan keselamatan telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat perkapalan besar seperti MISC Berhad supaya sentiasa mempertingkatkan aspek keselamatan *(safety and security)* terutamanya semasa belayar di kawasan pelanunan berisiko tinggi yang pada masa kini di sekitar perairan Samolia dan Teluk Aden.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO : 52**

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]**

**TARIKH** : **17 MAC 2009 (Selasa)**

**SOALAN** : Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:

(a) Berapakah jumlah lesen laut dalam (deep sea fishing) yang telah dikeluarkan di Negara ini sejak tahun 2000 dan pecahan pemilikan ekuitinya; dan

(b) Di negeri Sabah, berapakah jumlah lesen dikeluarkan dalam tempoh dan pecahan pemilikan ekuiti.

**JAWAPAN** :

**Tuan Yang Dipertua,**

a) Jumlah lesen laut dalam yang telah dikeluarkan di negara ini sejak tahun 2000 adalah sebanyak 1,134 dan pecahan pemilikan ekuitinya yang terdiri daripada 65% bumiputra, 21% bukan bumiputra dan 4% perkongsian antara bumiputra dan bukan bumiputra.

b) Jumlah lesen laut dalam yang masih aktif sekarang di Negeri Sabah adalah 29 unit yang dimiliki 100 % oleh 7

syarikat rakyat tempatan seperti berikut:

| Syarikat | Bilangan Lesen Laut Dalam |
|---|---|
| 1. Sulabayan Deep Sea Fisheries SB | 2 Lesen |
| 2. QL Deep Sea Fishing SB | 10 Lesen |
| 3. Syarikat Rikawawasan SB | 3 Lesen |
| 4. Taraf Sempurna | 1 Lesen |
| 5. Enrich Skills SB | 5 Lesen |
| 6. Sakon Fishing Industries (M) SB | 5 Lesen |
| 7. Reaprospepct SB | 1 Lesen |

**SOALAN 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON (IPOH BARAT)**

**TARIKH : 17 MAC 2009**

**SOALAN:**

**YB. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON (IPOH BARAT)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan definasi sebenar yang digunakan untuk mengukur kadar kemiskinan dalam mengimplementasi pelbagai program di dalam RMK-9.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan definisi sebenar kemiskinan yang digunapakai untuk mengukur kemiskinan dan menentukan kumpulan sasar dalam pelaksanaan program-program adalah seperti berikut:

> "sesebuah isi rumah dianggap miskin sekiranya jumlah pendapatan kasar bulanan isi rumah tersebut adalah kurang daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang ditetapkan. PGK ialah tahap pendapatan minimum yang diperlukan bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang

membolehkan setiap ahlinya hidup aktif, sihat dan proaktif"; dan

" sesebuah isi rumah adalah dianggap sebagai miskin tegar sekiranya jumlah pendapatan kasar bulanan isi rumah berkenaan adalah kurang daripada PGK makanan, iaitu tahap pendapatan minimum yang diperlukan oleh isi rumah untuk memenuhi keperluan asas makanan dengan mengambilkira keperluan dari segi nutrisi makanan dan pemakanan yang seimbang."

Tuan Yang di-Pertua,

Berasaskan definisi tersebut, PGK kemiskinan keseluruhan bagi tahun 2007 untuk Semenanjung Malaysia ialah sebanyak RM720 sebulan, RM960 bagi Sabah dan RM830 bagi Sarawak. Bagi kemiskinan tegar pula, ianya ditetapkan sebanyak RM430 bagi Semenanjung Malaysia, RM540 dan bagi Sabah dan RM520 bagi Sarawak.

NO:54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **BAGI JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** |
| **TARIKH** | : | **17 Mac 2009 (Selasa)** |
| **SOALAN** | : | ~~51~~ |

**Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

(a) dasar-dasar dan faktor-faktor penting dalam perhitungan penyusunan "*National Airport Masterplan*" yang antara lainnya telah dikatakan memperuntukkan sebanyak 10,000 hektar tanah untuk lapangan terbang; dan

(b) menerangkan akan kepentingan kriteria 'clustering' dalam menjana 'software dan hardware connectivity' supaya sesebuah lapangan terbang sama ada LCCT (contohnya Labu) atau lapangan terbang biasa mampu berdaya saing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang diPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kuala Selangor, perkara-perkara penting yang menjadi dasar dalam penyediaan *National Airport Masterplan (NAMP)* adalah yang menggariskan tentang perancangan penggunaan tanah, perancangan kemudahan infrastruktur dan fasiliti lapangan terbang di seluruh Negara sehingga ke tempoh 50 tahun yang akan datang. Walaubagaimanapun pelan ini harus di *review* pada setiap 5 tahun bagi memastikan keberkesanan pelaksanaannya selaras dengan perancangan yang telah dibuat serta mengenalpasti impak bagi setiap tindakan yang telah dilakukan. Bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), keluasan tanah seluas 10,000 hektar yang telah digazetkan itu adalah bagi tujuan jangka panjang untuk membolehkan KLIA mampu mengendali 100 juta penumpang. Sebagai makluman tambahan kepada Yang Berhormat, NAMP tersebut masih belum diluluskan oleh Kerajaan kerana ia memerlukan beberapa pindaan.

Bagi menjawap soalan kedua Yang Berhormat itu, sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa, semua fasiliti dan infrastruktur yang dilaksanakan dalam pembangunan lapangan terbang diseluruh Negara adalah akan menjurus kepada *total connectivity* yang mana penumpang boleh sampai ke destinasi masing-masing. Perancangan telahpun dibuat dengan teliti dalam projek-projek pembangunan lapangan terbang baru atau yang dinaik taraf untuk bagi memastikan lapangan terbang tersebut mampu berdaya saing.

**SOALAN NO : 55**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI**
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**
**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG**
**[ SIBUTI ]**
**TARIKH : 17 MAC 2009**
**SOALAN :**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan menguatkuasakan pengilang dan pengimport makanan untuk melabelkan makanan dalam kategori *Genetically Modified Food* sebagai informasi kepada pengguna. Adakah Kerajaan mempunyai penerangan kepada pengguna Malaysia mengenai GM Food.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai agensi bertanggungjawab ke atas keselamatan makanan telah menyediakan satu draf peraturan pelabelan bagi Makanan Diubahsuai Secara Genetik (*Genetically Modified Food*) untuk membolehkan pengguna membuat pemilihan makanan yang bermaklumat. Peraturan ini dibuat berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 61, Akta Biokeselamatan

2007 yang di bawah bidang kuasa Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Draf peraturan ini masih dalam peringkat penyemakan oleh Peguam Persekutuan, Pejabat Penasihat Undang-Undang, Kementerian Kesihatan. Penguatkuasaan peraturan tersebut hanya akan dilaksanakan selepas penerangan kepada pihak yang berkenaan iaitu pengilang, pengimport dan pengguna diberikan. Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan telah terlibat dalam memberikan penerangan kepada pengguna mengenai Makanan Diubahsuai Secara Genetik (*Genetically Modified Food*) melalui seminar dan latihan yang dianjurkan oleh pihak yang berkaitan seperti badan bukan kerajaan dan sebagainya.

SOALAN NO: 56

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]** |
| **TARIKH** | : | **17 MAC 2009** |
| **RUJUKAN** | : | **1607** |

**SOALAN :**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil laporan daripada pakar jenayah daripada sebuah universiti tempatan untuk menyelidik kadar jenayah di Malaysia untuk memberi keyakinan kepada rakyat bahawa Malaysia adalah lebih selamat daripada negara seperti Jepun dan Hong Kong seperti yang diumumkan oleh Menteri pada 4hb Disember.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Utara yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, perkara ini masih lagi dalam peringkat awal perbincangan di antara Polis Diraja Malaysia dengan Universiti Sains Malaysia. Memorandum persefahaman akan ditandatangani dengan pihak universiti berkenaan sebelum sebarang tindakan susulan diambil.

**SOALAN NO: 57**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : **IR. HAJI HAMIM BIN SAMURII (LEDANG)**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**TARIKH** : **17.03.2009**

**Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan membuat penetapan bonus kakitangan awam berdasarkan kepada KDNK dan bagaimana Kerajaan boleh menggalakkan lagi produktiviti mereka sentiasa meningkat supaya sepadan dengan bonus yang dibayar.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penetapan bonus pegawai Perkhidmatan Awam adalah dengan mengambil kira prestasi Perkhidmatan Awam secara menyeluruh dan keupayaan kewangan negara termasuk pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Semenjak tahun 2004 hingga 2008, pegawai Perkhidmatan Awam menikmati bonus antara 1 hingga 2 bulan gaji kecuali pada tahun 2007 di mana bonus tidak dibayar.

2. Kerajaan telah membuat keputusan supaya bonus dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam sebagai menghargai peningkatan produktiviti dan sumbangan mereka kepada

pembangunan negara. Pemberian bonus juga harus dilihat sebagai pemangkin supaya pegawai Perkhidmatan Awam berkhidmat dengan lebih cemerlang.

3. Kerajaan secara berterusan memastikan pegawai Perkhidmatan Awam sentiasa produktif dengan menggalakkan mereka di antara lain mengikuti kursus dan latihan, mengadakan penilaian prestasi tahunan, memperbaiki sistem penyampaian, mengkaji keberkesanan piagam pelanggan, anugerah khidmat cemerlang, penarafan *(star rating)* dan pelaksanaan persekitaran tempat kerja berkualiti.

SOALAN NO. 58

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]**

**TARIKH : 17 MAC 2009**

**SOALAN:**

**Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah Akta Pilihan Raya masih tidak diteliti semula bagi membolehkan lebih kuasa diberi kepada Suruhanjaya Pilihan Raya untuk memastikan setiap pilihan raya dijalankan tanpa politik wang dan penyalahgunaan jentera pentadbiran.

**JAWAPAN:** **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia sentiasa mengkaji perundangannya termasuk Akta Pilihan Raya dari masa ke semasa.

2. Undang-undang SPR adalah berkaitan dengan penjalanan pilihan raya, oleh yang demikian ianya tidak menyentuh soal politik wang atau penyalahgunaan jentera pentadbiran kerana ianya adalah di bawah bidang kuasa undang-undang Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM).

3. Oleh yang demikian, tidak perlu undang-undang SPR dicampuradaukkan dengan bidang kuasa agensi lain. Akta Pilihan Raya yang ada sekarang membolehkan SPR menjalankan pilihan raya dengan baik, namun demikian tindakan untuk mengkaji Akta tersebut sentiasa dilakukan bagi membolehkan pilihan raya di Malaysia dapat dijalankan dengan lebih baik lagi.

4. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, undang-undang pencegahan rasuah sekarang adalah mampu untuk mengatasi masalah politik wang dan penyalahgunaan jentera pentadbiran. Oleh itu tidak perlu elemen-elemen tersebut dimasukkan ke dalam Akta Pilihan Raya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **DATUK HENRY SUM AGONG** |
| | | **( LAWAS )** |
| **TARIKH** | : | **17. 03. 2009** |
| **NO. SOALAN** | : | **59** |

**DATUK HENRY SUM AGONG ( LAWAS )** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sama ada Kementerian akan meneruskan cadangan untuk mendirikan pusat pembekalan / depot minyak di kawasan luar bandar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Bagi memastikan penduduk di luar bandar khususnya di pedalaman negeri Sarawak mendapatkan bekalan bahan petroleum pada harga runcit yang ditetapkan oleh Kerajaan, maka beberapa pendekatan telah dikenalpasti iaitu penyaluran petrol bersubsidi melalui *floating barge*, dengan izin, pembinaan stesen minyak mini dan pusat pembekalan minyak (*fuel storage*). Projek

penyaluran petrol bersubsidi menggunakan *floating barge* yang melibatkan sebanyak 4 buah *floating barge* di Kapit dan 2 buah di Song telahpun dilaksanakan mulai 1 Mac 2009.

Fasa berikutnya adalah melalui pembinaan stesen minyak mini dan pusat pembekalan minyak Pada ketika ini sebanyak 12 lokasi telah dikenalpasti untuk pembinaan stesen minyak mini, bagi pusat pembekalan minyak pula terdapat sebanyak 114 lokasi cadangan tapak di seluruh negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, lokasi-lokasi tersebut perlu dikaji dengan lebih terperinci dari segi kesesuaian dan keperluan setempat sebelum ianya dapat dilaksanakan.

Dengan langkah yang telah dan akan dilaksanakan ini, Kerajaan berharap ianya bukan sahaja membolehkan penduduk luar bandar mendapatkan bekalan bahan petroleum pada harga yang sama seperti di kawasan bandar malahan ianya secara tidak langsung dapat membantu kepada penurunan harga barangan keperluan.

SOALAN NO. 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO [ KLANG ]

TARIKH : 17 MAC 2009

SOALAN :

MINTA **MENTERI KERJA RAYA** MENYATAKAN JUMLAH KOS PEMBINAAN PROJEK NAIK TARAF JALAN FT5 DARI KAPAR KE KLANG, PERKEMBANGAN PROJEK DAN MASALAH YANG DIHADAPI DAN ADAKAH KEMENTERIAN AKAN MELULUSKAN BAJET TAMBAHAN RM 11 MILLION YANG DIMINTA KONTRAKTOR.

**JAWAPAN :**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, JUMLAH KOS PEMBINAAN BAGI PROJEK KAPAR – KLANG FASA 3 ADALAH SEBANYAK RM32.3 JUTA. KEMAJUAN FIZIKAL SEBENAR SEHINGGA 28 FEBRUARI 2009 ADALAH SEBANYAK 40% MANAKALA BAGI KEMAJUAN JADUAL, PERATUSAN KERJA JUGA ADALAH SEBANYAK 40%. PROJEK INI PADA AWALNYA MENGALAMI MASALAH KELEWATAN PENGALIHAN PAIP AIR DAN PEMASANGAN CERUCUK (*BORED PILES*). WALAU BAGAIMANAPUN, MASALAH-MASALAH TERSEBUT TELAH DAPAT DIATASI. LANJUTAN MASA JUGA SELAMA 9 BULAN TELAH DILULUSKAN SEHINGGA SEPTEMBER 2010.**

**BAJET TAMBAHAN KEPADA PIHAK KONTRAKTOR SEDANG DIPERTIMBANGKAN OLEH PIHAK KEMENTERIAN.**

NO. SOALAN: 6/

# PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM**

**TARIKH : 17 MAC 2009**

**SOALAN:**

**Datuk Richard Riot Anak Jaem [ Serian ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jenis bantuan yang telah, sedang dan akan diberikan kepada mangsa-mangsa banjir baru-baru ini di negeri Sarawak lebih lagi petani-petani dan pesawah-pesawah padi yang sawah padi atau kebun mereka yang musnah sama sekali.

**JAWAPAN:** **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan Persekutuan melalui Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak telah mengumumkan dan menyampaikan bantuan ihsan kepada mereka yang terjejas akibat bencana seperti kejadian banjir di Sarawak pada 23 Januari dan 13 Februari 2009. Bantuan ini adalah melalui Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) melibatkan beberapa jenis bantuan ihsan seperti berikut:

   a. Keluarga yang berpindah ke pusat pemindahan dengan kadar RM500 sekeluarga;

   b. Keluarga yang tidak berpindah pada kadar RM300 sekeluarga;

   c. Bantuan ihsan rumah musnah pada kadar RM3,000 sekeluarga;

   d. Bantuan ihsan pengurusan kematian pada kadar RM5,000 sekeluarga;

   e. Bantuan ihsan pertanian (tanaman dan ternakan, akuakultur dan padi) – kadar belum ditentukan; dan

   f. Bantuan baikpulih rumah – kadar sebenar, tidak melebihi RM1,500.

2. Mereka yang ditimpa bencana banjir dan layak menerima bantuan mengikut kategori tersebut perlu disenaraikan dan disahkan oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri Sarawak.

3. Sehingga kini, MKN telah menyalurkan peruntukan bantuan berjumlah RM5,745,400.00 kepada Kerajaan Negeri untuk diberikan dengan secepat mungkin kepada mangsa-mangsa banjir yang berlaku baru-baru ini. Peruntukan ini meliputi bantuan kepada keluarga yang berpindah dan yang tidak berpindah ke pusat pemindahan atas sebab kesukaran perhubungan, bantuan ihsan pengurusan kematian dan bantuan rumah musnah.

4. YAB Timbalan Perdana Menteri juga telah menerima permohonan bantuan bencana banjir daripada YB Timbalan Ketua Menteri (1) Merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian dan Menteri Permodenan Pertanian Sarawak bertarikh 27 Februari 2009. Bantuan-bantuan mengikut kategori yang telah ditetapkan akan disalurkan dengan segera terutamanya bantuan ihsan pertanian (tanaman dan ternakan, akuakultur dan padi) kepada petani-petani dan pesawah-pesawah padi mengikut kadar yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 62

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]**

**TARIKH : 17 MAC 2009**

**RUJUKAN : 1608**

**SOALAN:**

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) berapakah jumlah tahanan di Kem Simpang Renggam; dan

(b) berikan pecahan mengikut kesalahan, keturunan dan berapa ramai yang paling lama ditahan.

**Jawapan:**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Petani** yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik Jabatan Penjara pada 13 Februari 2009 menunjukkan terdapat 1012 orang tahanan sedang ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor. Kapasiti tahanan bagi Pusat Pemulihan berkenaan ialah seramai 1100 orang.

Daripada jumlah tersebut 300 orang adalah tahanan yang dikenakan perintah tahanan di bawah Akta Dadah (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985. Manakala 712 orang lagi ditahan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969.

Pecahan mengikut kaum pula menunjukkan seramai 394 orang daripada kaum India, 216 orang kaum Melayu, 210 orang kaum Cina

dan 66 orang lagi daripada lain-lain kaum warga Malaysia seperti Sikh, Siam dan Serani. Baki seramai 126 orang pula adalah tahanan warga asing yang kebanyakannya terdiri daripada warga Indonesia, Thailand dan Myanmar.

Salah seorang tahanan telah ditahan untuk tahun ke-6 dan seorang lagi untuk tahun ke 5. Ini adalah tempoh paling lama tahanan berada di Pusat Pemulihan.

Dimaklumkan juga berbagai program dan aktiviti dilaksanakan bagi tujuan memulihkan orang tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam.

Program dan aktiviti tersebut melibatkan aktiviti pembentukan disiplin, pemulihan dan kesedaran diri, kaunseling, keagamaan dan kerohanian, akademik, latihan vokasional dan kemahiran serta kemasyarakatan. Tujuan utama aktiviti sedemikian diberikan agar penghuni yang dibebaskan pulih, insaf, berkemahiran, boleh berdikari serta tidak mengulangi kesilapan lampau apabila mereka dibebaskan ke dalam masyarakat.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **DARIPADA** | : | **DATO' SERI DR. JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD JARJIS (ROMPIN)** | |
| **PERTANYAAN** | : | **MULUT** | |
| **TARIKH** | : | **17.3.2009** | **SOALAN NO: 63** |

**Dato' Seri Dr. Jamaluddin Bin Dato' Mohd Jarjis** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji kembali penganjuran pertumbuhan ekonomi negara tahun ini memandangkan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan dunia kini makin ketara. Apakah Kerajaan juga akan mengkaji semula pakej rangsangan ekonomi Negara, selaras dengan pertambahan pakej stimulus yang dilaksanakan oleh negara-negara lain bagi menjamin kestabilan ekonomi negara-negara tersebut.

dan

| | | | |
|---|---|---|---|
| **DARIPADA** | : | **TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (MACHANG)** | |
| **PERTANYAAN** | : | **MULUT** | |
| **TARIKH** | : | **17.3.2009** | **SOALAN NO: 64** |

**Tuan Saifuddin Nasution Bin Ismail** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sementara Amerika Syarikat, Jepun, China dan Singapura mengalami kemelesetan pertumbuhan ekonomi, apakah kelebihan dan kekuatan Malaysia untuk dapat bertahan dan mohon

diterangkan strategi khusus bagaimana Malaysia menghadapi kesan kemelesetan ekonomi dunia dengan tidak menimbulkan kemudaratan terhadap kehidupan rakyat.

**Jawapan:**

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan **Dato' Seri Dr. Jamaluddin Bin Dato' Mohd Jarjis** bersama-sama dengan soalan **Tuan Saifuddin Nasution Bin Ismail** yang juga dijadualkan dijawab pada 17 Mac 2009 kerana menyentuh mengenai perkara dan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia juga tidak terkecuali daripada kesan perkembangan negatif ekonomi global. **KDNK benar Malaysia dalam tempoh suku keempat (S4) 2008** mencatat pertumbuhan lebih perlahan, iaitu **0.1%**, berbanding dengan purata 6.3% dalam tempoh sembilan bulan pertama 2008. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah menyemak semula unjuran kadar pertumbuhan ekonomi dunia 2009 kepada 0.5% dan perdagangan dunia 2009 pada –2.8%. Negara-negara maju dan membangun dijangka mencatat kadar pertumbuhan yang lebih perlahan. Ekonomi Malaysia turut dijangka berkembang lebih perlahan, iaitu diantara negatif satu peratus hingga positif satu peratus Kerajaan menjangkakan persekitaran ekonomi global bagi tahun 2009 dijangka

lebih sukar dan mencabar. Penunjuk-penunjuk ekonomi yang utama domestik, seperti nilai eksport negara, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI), kemasukan pelaburan asing dan pasaran saham Malaysia menunjukkan tren penurunan.

Untuk menangani tren penurunan penunjuk utama ekonomi dan mengambil langkah segera bagi memulihkan ekonomi negara, Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua akan dilaksanakan dalam tempoh 2 tahun, iaitu 2009 dan 2010. Pakej 60 bilion ringgit ini adalah yang terbesar yang pernah di peruntukan dalam sejarah negara. Pakej ini adalah komprehensif meliputi semua sektor ekonomi untuk memastikan negara terselamat daripada kemelesetan ekonomi global yang melanda ekonomi domestik. Pakej ini akan memberi tumpuan kepada empat teras berikut:

- Mengurangkan Pengangguran Dan Menambah Peluang Pekerjaan;
- Meringankan Beban Rakyat terutamanya Golongan Mudah Terjejas;
- Membantu Sektor Swasta Menghadapi Krisis; dan
- Membina Keupayaan Masa Depan.

Bagi mengatasi masalah pemberhentian pekerjaan dan pengganguran yang semakin meningkat, Kerajaan akan menyediakan lebih banyak peluang latihan dan pekerjaan. Dalam Pakej Kedua ini, sebanyak 163,000 peluang latihan dan pekerjaan akan disediakan bagi pekerja yang telah diberhentikan dan siswazah yang menganggur melalui usaha sama antara Kerajaan dengan pihak syarikat swasta. Daripada

jumlah tersebut, di sektor awam sahaja sebanyak 63 ribu peluang pekerjaan akan disediakan. Selain itu, Kerajaan akan menampung sebahagian daripada kos pengajian bagi rakyat yang ingin melanjutkan pelajaran peringkat lepasan ijazah di universiti tempatan. Untuk ini, sebanyak 10,000 tempat di peringkat sarjana dan 500 peringkat kedoktoran falsafah akan ditawarkan kepada semua warganegara Malaysia berdasarkan merit. Kerajaan juga akan mengambil langkah untuk mengurang kebergantungan kepada pekerja asing dan memberi keutamaan kepada pekerja tempatan.

Kerajaan juga akan terus melaksanakan langkah menambaik infrastruktur dan kemudahan awam, terutamanya di kawasan luar bandar. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek di bawah RMKe-9 yang mempunyai kandungan tempatan dan kesan pengganda yang tinggi. Program pembangunan, terutamanya di Sabah dan Sarawak akan dilipat ganda dengan melaksanakan projek pembangunan luar Bandar, seperti bekalan air dan elektrik serta menambah baik kemudahan sekolah, dan juga melaksanakan projek pembangunan ekonomi, termasuk pembesaran lapangan terbang dan pelabuhan serta menyediakan kawasan perindustrian baru.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan yakin strategi dan langkah yang telah dirangka dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua ini adalah komprehensif dan menyeluruh untuk menghindar ekonomi negara daripada terjerumus ke dalam

lembah kemelesetan yang mendalam. Adalah penting, kita semua mengutamakan usaha memulih ekonomi negara dalam keadaan kegawatan ekonomi global. Kerajaan yakin pakej ini adalah berkesan dalam usaha untuk mengurangkan impak negatif kemelesetan ekonomi global ke atas negara. Di samping itu, langkah untuk membina keupayaan masa depan akan dapat mengurangkan pergantungan ekonomi negara kepada sektor luar dan seterusnya menjamin pertumbuhan lebih mapan pada masa hadapan.

**Soalan No : 65**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA)**

**TARIKH : 17.03.2009**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah guru-guru sambilan perkhidmatan untuk tahun ini di semua aliran pelajaran dan di antara mereka ini berapa orang yang mempunyai ijazah sarjana. Sila nyatakan juga perbezaan gaji dan pendapatan di antara kedua-dua kategori ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tahun 2009, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah meluluskan perjawatan untuk pelantikan Guru sandaran Terlatih (GSTT) bagi sekolah rendah dan menengah adalah seramai 20,869 orang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelulusan dibuat berdasarkan kekosongan setiap negeri setelah mengambil kira penempatan yang dibuat pada Januari 2009. Setiap Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) bertanggungjawab untuk melantik GSTT berdasarkan keperluan setiap mata pelajaran. Skel gaji yang ditawarkan pada masa ini adalah seperti berikut;

| Bil | Kelayakan | Gred Gaji | Elaun Permulaan |
|---|---|---|---|
| 1 | Ijazah Sarjana Muda Kepujian | DC41 | P1T5 RM1,901.80 |
| 2 | Ijazah Sarjana Muda Am | DC41 | P1T3 RM1,720.90 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3 | Kursus Perguruan Lepasan Diploma (bagi yang telah memiliki Diploma Biasa) | DB29 | P1T1 RM1,466.21 |
| 4 | Kursus Perguruan Lepasan Diploma (bagi yang telah memiliki Diploma Profesional) | DBA29 | P1T1 RM1,531.25 |
| 5 | Diploma Perguruan Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) | DB27 | P1T1 RM1,204.55 |
| 6 | Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) | DB17 | P1T1 RM820.38 |

**Soalan No : 66**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU (TELOK INTAN)**

**TARIKH : 17.03.2009**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [ TELOK INTAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

(a) apakah dasar Kementerian penempatan murid-murid di sekolah menengah di tingkatan 1, selepas sekolah rendah. Adakah mereka ditempatkan di sekolah yang berdekatan dengan rumah kediaman mereka atau kriteria lain digunakan; dan

(b) di Teluk Intan (dan saya percaya di tempat lain juga), terdapat kaedah di mana murid-murid dari lepasan sekolah Tamil tidak diberi tempat di sekolah-sekolah seperti SMK Convent Perempuan, SMK Horley Methodist, SMK Seri Perak, SMK Sultan Abdul Aziz dan SMK St. Anthony. Adakah penempatan di sekolah-sekolah tertentu atau dipilih berdasarkan kepada kaum.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

(a dan b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penempatan murid Tingkatan Satu di sesebuah sekolah menengah adalah mengikut *feeder school* yang telah ditetapkan mengikut kawasan. Secara amnya, pertimbangan bagi penempatan murid di Tingkatan Satu adalah berdasarkan lokasi rumah, pengangkutan, abang atau kakak di sekolah yang sama dan keperluan khas bagi kanak-kanak

istimewa. Bagi murid-murid kelas peralihan dari *feeder school* hanya akan ditempatkan di sekolah yang menawarkan kelas peralihan.

Namun, sekiranya terdapat permohonan daripada pihak ibu bapa yang inginkan anak mereka bertukar ke sekolah menengah tertentu, permohonan perlu dibuat kepada Pejabat Pelajaran Daerah atau Jabatan Pelajaran Negeri dan kelulusan adalah tertakluk kepada kekosongan di sekolah tersebut.

**Soalan No : 67**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT (HULU LANGAT)** |
| **TARIKH** | : | **17.03.2009** |

**SOALAN:**

**Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [ HULU LANGAT ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pihak Kementerian telah mengemukakan satu kertas rangka kaedah baru yang lebih berkesan dalam pembelajaran bahasa Inggeris termasuk dalam pengajaran dan amalan bahasa Inggeris.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang dalam proses melaksanakan Transformasi Kurikulum di sekolah rendah. Transformasi kurikulum ini akan mengubah pendekatan pengajaran dan pembelajaran agar lebih berorientasikan tema, modular dan lebih berpusatkan murid. Di dalam kertas rangka transformasi kurikulum, penekanan bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris akan diberikan kepada elemen-elemen berikut iaitu; Literasi murid (membaca dan menulis); Kemahiran bertutur; Pendekatan *phonics* untuk murid Tahun 1 & 2; Tatabahasa di dalam konteks; Sastera Bahasa Inggeris Kanak-Kanak di tahap 2 (Tahun 3-6); Penilaian berasaskan sekolah; dan Penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan efisien.

**Soalan No:68**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **DARIPADA** | : | **DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI (KUALA KRAI)** |
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **TARIKH** | : | **17.03.2009** |

**SOALAN:**

**Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli (Kuala Krai)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan telah membuat keputusan untuk melanjutkan program pembayaran rebat RM625 setiap kenderaan bawah 2,000cc selepas tempoh asal tamat hujung Mac ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah bersetuju pemberian rebat tunai tidak dilanjutkan selepas daripada 31 Mac 2009.

**Soalan No : 69**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING (SERDANG)**

**TARIKH : 17.03.2009**

**SOALAN:**

**Y.B. PUAN TEO NIE CHING [ SERDANG ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan perkembangan pembangunan 6 buah SJK (C) baru pada 30 Januari 2008 sejak Julai 2008.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan 6 buah SJK (C) baru yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada 30 Januari 2008 berada di peringkat pengenalpastian tapak yang paling sesuai untuk pembinaan. Bagi SJKC Emarald di Rawang, tapak telah dikenalpasti dan perancangan untuk pembinaan sekolah termasuk pelan *"layout"* sedang disediakan manakala bagi SJKC Pei Hwa 2, Danga Bay, Johor Bahru, pindaan pelan *"layout"* sedang dilakukan oleh pemilik tanah kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor untuk mendapatkan kelulusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi SJKC baru di Danau Kota, Wangsa Maju, tapak sekolah akan dimuktamatkan dalam tempoh 3 bulan dari dua pilihan tapak yang sedia ada.

Sementara itu, bagi SJKC Bukit Serdang yang berada di dalam kawasan Ahli Yang Berhormat Serdang, pemimpin-pemimpin setempat termasuk bekas wakil-

wakil rakyat sedang menimbang satu daripada 7 rizab tapak sekolah yang terdapat di kawasan sekitar Bandar Serdang. Satu rezab tapak sekolah yang difikirkan strategik telah dikenalpasti dan semakan sedang dibuat di peringkat Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) untuk mengetahui status tanah.

Bagi SJKC baru yang dicadangkan di Saujana Prima dan Sungai Long, kerja pengenalpastian tapak sekolah di dalam peringkat terakhir dan akan dibawa untuk semakan JKPTG tentang status tanah.

Rjm 90

**SOALAN NO.: 70**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : DATUK BILLY ABIT JOO
[HULU RAJANG]

**TARIKH** : 17 MAC 2009

**SOALAN** :

**Datuk Billy Abit Joo [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tanggungjawab utama Lembaga Sungai-sungai Sarawak. Adakah terdapat peruntukan untuk menangani masalah hakisan tebing sungai yang diakibatkan oleh penggunaan kapal tunda dan kapal-kapal bersaiz besar dan sederhana di sungai. Adakah terdapatnya peraturan yang ditetapkan untuk pemandu kapal agar dapat mengurangkan hakisan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (LSS) diurustadbir oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan bukan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Oleh itu segala isu dan peruntukan berkaitan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan LSS. Lembaga ini juga mempunyai peruntukan undang-undangnya tersendiri berkaitan penggunaan kapal-kapal tunda dan kapal-kapal bersaiz besar dan sederhana di sungai.

Di bawah "Sarawak Rivers Ordinance, 1993", tanggungjawab utama LSS adalah mengawal dan mengendali keselamatan trafik sungai di Sarawak. Selain itu, antara fungsi dan tanggungjawab LSS termasuk menyiasat pencegahan hakisan tebing sungai dan menentukan kaedah yang sesuai bagi melindung dan membaikpulihnya.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO. ( 71 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| PERTANYAAN | : | LISAN |
| DARIPADA | : | Y.B. DR. MICHAEL JAYAKUMAR DEVARAJ<br>( SUNGAI SIPUT ) |
| TARIKH | : | 17 MAC 2009 (SELASA) |

**SOALAN :**

**Y.B. DR. MICHEAL JEYAKUMAR DEVARAJ (SUNGAI SIPUT)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa bilangan rumah murah baru yang perlu ada pada masa ini untuk memastikan setiap keluarga dapat memiliki rumah sendiri. Adakah cadangan untuk menyediakan rumah kos rendah untuk disewa pada keluarga-keluarga yang tidak mampu membeli rumah tersendiri pada takat ini.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Disember 2008, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah diluluskan untuk membina 74,084 unit rumah PPR Disewa sepanjang RMK-8 & RMK-9. Daripada bilangan tersebut sebanyak 50,820 unit rumah siap dibina, 16,654 masih dalam pembinaan dan 6,610 unit dalam perancangan. Hal ini membuktikan bahawa KPKT komited dalam menyediakan rumah kos rendah untuk disewa oleh keluarga-keluarga yang tidak mampu membeli rumah sendiri.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

# PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
# DEWAN RAKYAT

| | | |
|---|---|---|
| Pertanyaan | : | PERTANYAAN JAWAB LISAN |
| Daripada | : | Tuan Haji Ab Aziz Ab Kadir [Ketereh] |
| Tarikh Menjawab | : | 17 Mac 2009 (Selasa) |
| Soalan | : | [No. ~~79~~ 72] |

**SOALAN**

**Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [ Ketereh ]** minta **Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi** menyatakan usaha yang telah diambil oleh Kerajaan bagi membantu petani kecil yang terjerumus ke dalam kesusahan akibat daripada kejatuhan harga komoditi utama seperti getah dan kelapa sawit.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya mengambil berat akan kesusahan yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil akibat daripada kejatuhan harga getah dan sawit. Sehubungan itu, antara usaha-usaha yang telah di ambil oleh Kerajaan bagi membantu pekebun-pekebun kecil getah adalah:

i. Pemberian benih getah berkualiti dan input pertanian seperti baja, racun rumpai serta bahan perangsangan kepada pekebun-pekebun kecil getah melalui Program Pemindahan Teknologi dan Pembangunan Pekebun Kecil Getah di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Peruntukan sebanyak RM10 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe9) telah disediakan di mana RM4.7 juta adalah bagi tahun 2009. Sehingga 31 Disember 2008, seramai 1,042 pekebun kecil khususnya pekebun kecil persendirian telah mendapat manfaat di bawah Program Pemindahan Teknologi dan Pembangunan Pekebun Kecil Getah;

ii. Program Skim Sistem Torehan Berintensiti Rendah (*Low Intensity Tapping System* – LITS 3) yang diperkenalkan semula pada tahun 2003 bagi membantu pekebun kecil meningkatkan

pengeluaran hasil getah melalui penggunaan bahan rangsangan. Bantuan diberi secara percuma selama setahun hingga 2 tahun merangkumi peralatan teknologi rangsangan, baja (1 kg bagi setiap pokok), racun rumpai, peralatan menoreh seperti pisau toreh, mangkuk kutipan lateks, dawai penyangkut mangkuk lateks dan alat kalis hujan (rain gutter). Peserta juga diberi latihan dan tunjuk ajar sebelum dan selepas bantuan diterima. Seramai 9,394 pekebun kecil telah mendapat manfaat di bawah skim LITS 3;

iii. Bagi pekebun kecil getah di Sabah dan Sarawak pula, Kementerian telah menubuhkan Pusat Pemprosesan Getah Berkelompok (*Group Processing Centre* – GPC) di daerah-daerah pengeluaran getah supaya pekebun kecil dapat menghasilkan getah keping yang berkualiti dan seterusnya memperolehi pendapatan yang lebih lumayan. GPC ini dilengkapi dengan mesin-mesin pemprosesan getah bermotor untuk kegunaan pekebun kecil secara berkumpulan dan ianya juga dijadikan sebagai tempat untuk memberi latihan, tunjuk ajar dan pemindahan teknologi kepada pekebun kecil; dan

iv. Selain itu, Kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) juga memberi bantuan khidmat nasihat, tunjuk ajar dan latihan mengenai penggunaan teknologi terkini kepada pekebun-pekebun kecil dalam bidang-bidang seperti

pembajaan, penyelenggaraan, amalan agronomi, pemprosesan dan kaedah penorehan yang betul.

Bagi pekebun kecil sawit pula, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM48.5 juta di bawah RMK-9 untuk Program Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil. Bantuan-bantuan yang disediakan di bawah Program ini adalah seperti berikut:

i. Bantuan anak benih sawit berkualiti dan baja untuk tempoh 1 hingga 2 tahun selepas penanaman sawit;
ii. Bantuan integrasi ternakan lembu dan kambing dengan sawit; dan
iii. Bantuan integrasi tanaman dengan sawit.

Bantuan-bantuan tersebut dijangka dapat menjana pendapatan tambahan kepada pekebun kecil selain dari hasil sawit terutamanya dalam keadaan harga sawit yang rendah sekarang.

Selain dari bantuan yang disalurkan di bawah RMK-9, beberapa langkah lain yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil persendirian adalah seperti berikut:

i. Melaksanakan Program Kelompok Baja Terselia;
ii. Menubuhkan Kelab 30 tan;

iii. Menyediakan kemudahan pusat-pusat latihan untuk pekebun kecil sawit seperti Pusat Latihan Sumber Manusia (PLASMA) di Lahad Datu dan PULAPES di Keratong, Pahang;

iv. Menganjurkan persidangan dan seminar untuk pekebun kecil sebagai *platform* untuk berinteraksi dan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pekebun kecil;

v. Menganjurkan kursus-kursus berkaitan penanaman dan penyelenggaraan sawit;

vi. Melaksanakan demo plot sebagai kebun contoh kepada pekebun kecil;

vii. Penerbitan bahan-bahan cetakan untuk rujukan; dan

viii. Penubuhan Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan di MPOB yang membolehkan pekebun kecil mendapat khidmat nasihat yang lebih berkesan dan menyeluruh ke arah meningkatkan produktiviti sawit.

Dengan pelaksanaan program-program seperti yang dimaklumkan, ia dijangka akan dapat meningkatkan pendapatan pekebun kecil sawit.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi, Kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM53.13 juta bagi membantu pekebun kecil getah dan pekebun kecil sawit. Dari jumlah tersebut, RM50.13 juta adalah untuk membantu pekebun kecil sawit persendirian menebang atau menanam semula kelapa sawit

yang berusia melebihi 25 tahun dan tidak produktif. Kadar bantuan sebanyak RM6,000 se hektar disediakan merangkumi bantuan anak benih sawit berkualiti, baja serta kos penyediaan tapak. Dianggarkan seluas 8,355 hektar kawasan sawit akan dapat ditanam semula. Langkah ini dalam jangka masa panjang akan dapat meningkatkan produktiviti serta pendapatan pekebun kecil sawit.

Bagi pekebun kecil getah pula, RM3.0 juta peruntukan disediakan untuk melaksanakan dua program iaitu RM 1.5 juta untuk bantuan bahan tanaman getah berkualiti bagi penanaman baru kepada pekebun kecil persendirian di Sabah dan RM 1.5 juta untuk program galakan penanaman getah klon lateks balak (LTC) kepada pekebun kecil di Sarawak. Bagi kedua-dua program ini, bantuan akan diberikan dalam bentuk bekalan anak benih, input pertanian seperti baja dan racun rumpai, kos pengangkutan serta latihan dan tunjuk ajar amalan pertanian yang baik.